

## Tinjauan Keseluruhan

Tinjauan ekonomi dunia pada tahun 1996 menunjukkan pertumbuhan yang mengalakkan, dijangka pada kadar 3.8% (1995:3.4%) dan terus berkembang dengan pesat sehingga mencapai 4.1% pada tahun 1997. Pertumbuhan menjadi semakin lebih menyeluruh di kalangan negara-negara membangun dengan terdapatnya aktiviti ekonomi yang kukuh terutamanya di ekonomi-ekonomi pasaran baru muncul. Keadaan ekonomi negara-negara membangun kini mengalami pertumbuhan yang pesat terutamanya di Asia yang mendahului yang lain, walaupun pada kadar yang lebih sederhana daripada yang dicatat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini disebabkan oleh langkah-langkah yang diambil oleh ekonomi-ekonomi tersebut untuk membendung tekanan harga. Di kebanyakan ekonomi dalam peralihan, pertumbuhan pengeluaran secara agregat dijangka menjadi stabil didorong oleh aktiviti-aktiviti sektor swasta yang telah menyumbang secara positif kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi. Di beberapa buah negara dimana kerencanan ekonomi agak teruk bagi beberapa tahun yang lalu, pertumbuhan positif dapat dilihat buat pertama kalinya semenjak proses peralihan bermula. Prestasi di negara-negara perindustrian bercampur-campur dimana Amerika Syarikat memasuki tahun keenam ekonomi mengalami pertumbuhan manakala di negara Jepun terdapat tanda-tanda positif yang menunjukkan ekonomi mula memasuki fasa pemulihan yang stabil. Di kebanyakan negara Eropah pula, prospek pertumbuhan masih tidak menentu memandangkan negara-negara Eropah dalam proses mengatasi kelemahan struktural dan ekonomi makro yang serius.

## Perdagangan Dunia

Pada tahun 1996, perdagangan dunia dijangka berkembang dengan lebih perlahan pada kadar 7% (1995:9%) selepas prestasi yang cemerlang

bermula pada tahun 1994. Keadaan ini disebabkan kesederhanaan aktiviti yang diramalkan di negara-negara perdagangan besar terutamanya Eropah Barat.

Sekali lagi impot negara-negara membangun yang dijangka berkembang pada kadar 11% akan mendorong pertumbuhan perdagangan dunia, disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan di kebanyakan negara Eropah yang dijangka mengurangkan permintaan. Eksport dan import dunia dijangka mengalami pertumbuhan sebanyak 6.6% atau AS\$6,509 bilion pada tahun 1996 (1995:AS\$6,191 bilion), yang mana nilai eksport barangan adalah sebanyak AS\$5,182 bilion (1995:AS\$4,936 bilion).

Pertumbuhan import negara-negara perindustrian merosot pada tahun 1996 dijangka pada kadar 5.6% (1995:7.2%) daripada tahap tinggi 9.2% pada tahun 1994. Tahap import yang sederhana ini mencerminkan pengurangan permintaan sebanyak 6% dari AS berbanding dengan 8.3% pada tahun 1995, walaupun import negara Jepun akan kekal tinggi sebanyak 13%, disebabkan oleh pengimpotan semula dan kesan kenaikan nilai yen yang kuat serta kelonggaran peraturan pasaran dalaman. Kelemahan yang berterusan di **Kesatuan Eropah (EU)** juga dijangka menyederhanakan import dari Jerman, Perancis dan Itali.

Eksport negara-negara membangun menjadi lebih sederhana pada tahun 1996 kepada 9.7% berbanding dengan 12.1% pada tahun 1995, manakala import pula berkurangan kepada 10.3% (1995:11.1%). Secara keseluruhannya, Asia dijangka mendahului pertumbuhan import dan eksport di kalangan negara-negara membangun iaitu pada kadar 11%-12%, walaupun eksport Negara-Negara Perindustrian Baru (NIE) akan berkurangan kepada 9.7% berbanding dengan prestasi kukuh yang dicapai pada 1995 sebanyak



13.8%. Permintaan import juga dijangka menjadi lebih perlahan di negara-negara NIE memandangkan pertumbuhan negara-negara ini menjadi lebih mampan. Malahan, corak perdagangan negara-negara **Asia Timur** semakin berubah dimana perdagangan antara negara-negara ini dengan Jepun telah meningkat pada kadar yang tinggi terutamanya kadar pertumbuhan eksport. Walaupun kadar faedah dan kadar pertukaran dolar AS masih mempengaruhi besar kadar faedah dan kadar pertukaran wang negara-negara Asia Timur, rantau tersebut tidak semudah lagi dipengaruhi oleh perubahan suasana perdagangan di AS. Pada tahun 1996, import dan eksport Asia Timur dijangka mencapai jumlah AS\$1,500 bilion berbanding dengan AS\$1,360 bilion yang dicapai pada tahun 1995. Jumlah perdagangan **ASEAN** juga dijangka mem-berangsangkan yang menjangkau sehingga AS\$696.7 bilion berbanding AS\$616 bilion pada tahun 1995 dengan mengambilkira perdagangan disebabkan AFTA, perdagangan serantau dan pelaburan yang mencapai momentum.

Pada tahun 1996, pertumbuhan import **Amerika Latin** secara keseluruhan dijangka mencatat 10.4% manakala eksport akan berkurangan kepada 7.4%. Permintaan import di benua **Afrika** diramal berkurangan kepada 5.9% pada tahun 1996 (1995:9.6%) disebabkan langkah-langkah penstabilan oleh kira-kira 40 buah negara Afrika yang mengurangkan kecenderungan mengimport. Eksport sebaliknya, dijangka bertambah baik kepada 13.4% pada tahun 1996, meningkat dari 7% pada tahun 1995 disebabkan harga komoditi-komoditi yang lebih tinggi dan perdagangan serta pelaburan yang meningkat di antara dan di kalangan negara-negara Afrika.

## Pasaran Kewangan Antarabangsa

Prestasi **pasaran kewangan** di negara-negara perindustrian bercampur-campur disebabkan perbezaan prestasi ekonomi di kalangan negara-negara tersebut. Di kebanyakan negara-negara Eropah, pertumbuhan yang lemah dan kadar inflasi yang rendah telah menggalakkan dasar kewangan yang longgar dengan pengurangan besar kadar faedah jangka pendek sejak awal 1996. Sebaliknya di Amerika Syarikat dan Jepun, di mana kadar pertumbuhan adalah lebih pesat, kadar faedah jangka pendek pada amnya masih tidak berubah. Walau bagaimanapun, kadar faedah jangka pendek di kedua-dua negara tersebut berkemungkinan

meningkat sebelum akhir tahun 1996. Kadar faedah jangka panjang pula bercampur-campur yang mana hasil bon menunjukkan trend meningkat di Jepun, Jerman, United Kingdom dan Kanada dan merosot di Itali dan Sepanyol. Di Amerika Syarikat pula, peningkatan kadar hasil bon semenjak awal 1996 menghapuskan hampir separuh faedah penurunan yang dialami selama 12-15 bulan sebelumnya. Perubahan kadar hasil bon didorong oleh tanggapan pasaran mengenai kemungkinan perubahan dasar kewangan di AS dan Jepun, perdebatan berpanjangan di antara Kongres AS dan pihak Pentadbiran Amerika Syarikat mengenai cadangan belanjawan berimbang berserta kedudukan fiskal yang masih lemah di Jerman, Perancis dan beberapa negara utama EU.

**Pasaran tukaran asing** di negara-negara perindustrian adalah stabil pada sebahagian besar tahun 1996. Matawang utama dalam Mekanisma Kadar Pertukaran (ERM) telah bergerak kearah mencapai nilai sebenar, sebahagiannya disebabkan tanggapan pasaran berkenaan prospek yang bertambah baik bagi pengukuhan fiskal dan komitmen yang kuat oleh negara-negara penting EU untuk meneruskan proses Kesatuan Kewangan (EMU). Sementara itu perubahan berkaitan dengan perbezaan kadar faedah antarabangsa telah mengukuhkan nilai dolar Amerika berbanding dengan mata wang utama yang lain. Nilai sebenar dolar telah meningkat hingga ke tahap yang dicatat pada 1994, manakala nilai yen pula telah merosot ke paras pada awal 1993. Penjajaran nilai dolar Amerika dengan matawang yen, deutsche mark, franc Swiss dan lira Itali disebabkan kadar yang lebih bagi pegangan nilai aset dalam dolar, penurunan nilai yen Jepun yang mencerminkan kemerosotan lebihan akaun semasa negara tersebut serta kekukuhan asas-asas ekonomi di negara-negara itu.

Di negara-negara membangun, pasaran matawang asing stabil keseluruhannya dalam tempoh separuh pertama 1996 disebabkan pemulihan aliran modal yang mampan dan langkah-langkah kewangan yang ketat di negara-negara yang mengalami kesan krisis kewangan Mexico. Walaupun begitu, pengaliran modal yang besar menambah tekanan ke atas matawang beberapa negara Asia. Di China, pihak berkuasa terpaksa campurtangan untuk mengekalkan kadar pertukaran yang stabil tetapi di Indonesia dan Korea, walaupun dengan kadar pertukaran lebih stabil berbanding dolar Amerika, kadar tukaran



sebenarnya meningkat juga disebabkan kemerosotan yen dan inflasi tinggi dalam negeri. Di Thailand pula, nilai baht turut menghadapi tekanan yang tinggi pada pertengahan 1996 disebabkan pelarasan semula ramalan pertumbuhan KDNK dan eksport dan ramalan peningkatan defisit imbalan pembayaran. Buat pertama kalinya, Bank Pusat Negara Thai (Bank of Thailand - BOT) telah campurtangan di luar pasaran kewangan Bangkok dengan menjual dolar Amerika untuk baht di pasaran Hong Kong dan Singapura bertujuan mengawal susut nilai matawang baht

**Aliran modal bersih ke negara-negara membangun** telah bertambah pesat beberapa bulan kebelakangan ini di mana sesetengah negara mengalami limpahan aliran masuk modal seperti yang dilalui pada tahun 1990an dan sekali lagi aliran kuat ini telah menimbulkan masalah pengurusan dasar ekonomi makro. Aliran pada kali ini tidak terhad kepada negara-negara Asia dan Amerika Latin sahaja, tetapi buat pertama kalinya Eropah Tengah juga mengalami kemasukan modal yang tinggi. Pada tahun 1996 aliran modal dijangka meningkat kepada AS \$224.8 bilion, iaitu hampir dua kali ganda dari tahap yang dicatat pada 1995. Sepertimana yang berlaku pada tahun-tahun yang kebelakangan, masih terdapat perbezaan ketara pengaliran modal diantara negara-negara membangun dan negara-negara peralihan. Sebilangan kecil negara-negara di Asia, Amerika Latin dan Eropah Timur terus menarik modal yang besar jumlahnya dalam bentuk ekuiti dan pelaburan langsung manakala negara-negara membangun yang lain lebih banyak bergantung kepada bantuan kewangan rasmi.

**Aliran modal swasta ke negara-negara Amerika Latin** pada tahun 1996 dijangka mengalami pertumbuhan yang ketara kerana langkah-langkah berkesan untuk menstruktur semula ekonomi telah mengembalikan keyakinan para pelabur tentang pasaran Amerika Latin. Sekiranya tiada berlaku pergolakan yang runcing, adalah dianggarkan jumlah bersih aliran masuk modal ke Amerika Latin akan mengatasi AS\$50 bilion pada tahun 1996, iaitu dua kali ganda dari tahap yang diterima pada tahun 1995.

**Pelaburan asing langsung (FDI)** juga dijangka mengalami pemulihan pada tahun 1996 didorong oleh persaingan antarabangsa yang semakin bertambah, globalisasi dan peningkatan teknologi komunikasi dan maklumat disamping penswastaan

badan-badan hakmilik kerajaan. Pelaburan asing langsung dunia yang diramalkan mencapai AS\$235 bilion pada tahun 1995 dijangka meningkat kepada AS\$250 bilion pada tahun 1996 apabila negara-negara pengekspor modal yang utama mengalami pemulihan ekonomi dan negara-negara membangun tertentu menjadi pelabur yang penting dalam pasaran negara-negara membangun yang lain. Negara-negara perindustrian dijangka menerima 60% dari pelaburan asing langsung dunia pada tahun 1995 yang mana Amerika Syarikat mengekalkan kedudukan sebagai penerima terbesar FDI sementara aliran ke Jepun terus kecil jumlahnya. Pelaburan asing langsung ke Eropah Barat secara keseluruhan terus mencatat nilai yang besar, tetapi di beberapa negara seperti Belanda dan United Kingdom, kemerosotan pelaburan asing langsung masih berterusan.

Negara-negara membangun tertentu terus menarik pelaburan asing langsung, dengan menerima pelaburan sebanyak AS\$90 bilion pada tahun 1995 atau 35%-40% daripada FDI dunia. Prestasi pertumbuhan ekonomi yang dinamik di Asia dan pasaran yang besar yang mewujudkan peluang-peluang pelaburan yang menguntungkan khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan menjadikan negara-negara pasaran baru muncul di Asia berjaya menarik sebahagian besar aliran pelaburan asing langsung secara berterusan. Jumlah pelaburan asing langsung ke Asia sebanyak AS\$52.7 bilion pada tahun 1995 dijangka meningkat kepada AS\$61 pada tahun 1996. Walau bagaimanapun, tahap kejayaan menarik pelaburan asing langsung berbeza-beza dikalangan negara-negara Asia. Negara China, Asia Timur dan Asia Tenggara berada di peringkat hadapan dengan menerima hampir 60% daripada aliran modal masuk ke rantau Asia. Negara-negara Asia Selatan sebaliknya masih lagi ketinggalan kecuali India, yang sejak 1994 telah menjadi penerima pelaburan asing langsung yang penting. Bagi kumpulan serantau ASEAN pula, sungguh pun persaingan untuk menarik pelaburan asing langsung global dan serantau semakin meningkat namun ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka tetap menarik kepada pelabur-pelabur terutamanya jika diambilkira usahasama dikalangan negara-negara untuk mengatur langkah-langkah menggalakkan pelaburan asing langsung intra-ASEAN dan pelaburan asing langsung luar. Pada tahun 1995, Jepun merupakan sumber terbesar pelaburan di ASEAN menyumbang sebanyak AS\$13.5 bilion, diikuti oleh AS (AS\$9.6 bilion), UK (AS\$7.6 bilion)



dan Taiwan (AS\$2.4billion). Berikutan liberalisasi regim pelaburan yang berterusan di negara-negara ASEAN dan penswastaan projek-projek infrastruktur bersama dengan usaha galakan pelaburan yang kuat, aliran pelaburan asing langsung kepada ASEAN dijangka mencapai AS\$75 bilion pada tahun 1996. Negara-negara Amerika Latin dan Caribbean juga dijangka menarik minat pelaburan asing langsung apabila langkah liberalisasi dibawah perjanjian-perjanjian serantau seperti Andean Pact dan Mercusur dilaksanakan sepenuhnya. Selain itu, program-program penswastaan yang dijalankan di beberapa negara Amerika Latin telah dibuka kepada pelaburan asing. Jumlah pelaburan asing langsung dijangka mencatat rekod sebanyak AS\$25 bilion berbanding dengan AS\$17.1 bilion pada tahun 1995. Aliran masuk modal dijangka bertambah lebih ketara di Argentina, Brazil, Chile, Colombia dan Peru dengan Brazil, Chile dan Columbia dijangka menerima jumlah yang paling tinggi. Trend yang positif juga dapat dilihat di Bolivia, Costa Rica, dan Venezuela. Walau bagaimanapun, Mexico dijangka menerima aliran masuk modal sebanyak AS\$7 bilion sahaja berbanding dengan penerimaan pada tahun terbaiknya, iaitu 1994 di mana jumlah FDI mencatat AS\$11 bilion.

Di **pasaran ekuiti**, walaupun harga di kebanyakan negara pasaran baru muncul mengalami pemulihan yang pesat dalam separuh pertama 1996 tetapi sejak itu prospeknya menjadi muram. Di Asia, kecuali Hong Kong, Filipina dan Taiwan, di kebanyakan negara lain, dasar kewangan yang ketat untuk membendung tekanan ekonomi dari menjadi terlalu pesat telah menghadkan peningkatan harga ekuiti. Namun begitu, aliran pelaburan ekuiti di negara-negara membangun dijangka terus meningkat, sekiranya diambilkira trend pertumbuhan saiz pasaran baru muncul, tahap kecairan keseluruhan dan bilangan syarikat-syarikat yang bakal disenaraikan di bursa saham.


## Kedudukan Ekonomi Negara-Negara Perindustrian

### Pertumbuhan Pengeluaran

Secara keseluruhan, pertumbuhan dijangka perlahan di negara-negara perindustrian, dengan pemulihan di Jepun dan peningkatan pertumbuhan

di Amerika Syarikat dan Kanada dibayangi oleh kemerosotan yang agak teruk di sebahagian besar Eropah Barat, kecuali di United Kingdom. Sejak pertengahan tahun 1996, terdapat beberapa perkembangan yang positif termasuk kelonggaran dasar kewangan di seluruh Eropah yang menjurus kepada tanda-tanda bahawa pertumbuhan ekonomi akan meningkat pada penghujung 1996 dan seterusnya pada tahun 1997. Namun begitu, kekuatan pertumbuhan masih lagi tidak menentu. Dalam pada itu salah satu aspek yang mengalakkan di negara-negara perindustrian ialah kadar purata inflasi yang rendah sebanyak 2.5%. Sebaliknya pula, sebahagian besar negara-negara perindustrian terus mengalami cabaran hebat dalam bidang fiskal dan di pasaran buruh. Sebilangan besar negara-negara Eropah Barat masih mengalami kadar pengangguran yang tinggi dan berterusan.

Carta 3.1  
Negara-negara Perindustrian -  
Petunjuk-petunjuk Ekonomi Utama



1/ Harga pengguna


Sumber : IMF World Economic Outlook , September 1996  
dan laporan - laporan lain



**Ekonomi Amerika Syarikat (AS)** kini boleh dianggap sebagai beroperasi pada kapasiti penuh. Pengembangan aktiviti ekonomi telah bermula semula hasil kelonggaran dasar kewangan sejak pertengahan tahun 1995, pertumbuhan kukuh pelaburan tetap persendirian, terutamanya dalam pengeluaran berasaskan teknologi dan penjualan rumah. Pertumbuhan pengeluaran walau bagaimanapun dijangka menjadi perlahan kepada tahap yang lebih mampan dalam separuh kedua 1996 apabila penggunaan barang-barang tahan lama berkurangan berikutan peningkatan kadar faedah jangka pendek dan pembayaran hutang yang meningkat. Pelaburan tetap perniagaan dan pelaburan isi rumah juga dijangka perlahan apabila kesan kadar faedah jangka pendek mulai dirasai. Bagi keseluruhan tahun 1996, pertumbuhan KDNK benar diramalkan pada paras 2.4% dengan kadar pengangguran sebanyak 5.6% dan kadar inflasi di bawah paras 3%. Memandangkan ekonomi AS berada pada tahap penggunaan sumber yang tinggi dan kadar pengangguran yang rendah, terdapat kemungkinan tekanan harga timbul semula dan ini membimbangkan Rizab Persekutuan. Walau bagaimanapun, indeks harga pengguna berada pada paras yang rendah hampir sepanjang tahun 1996 dan dengan itu pertumbuhan ekonomi dijangka menjadi perlahan dengan sendirinya tanpa pengetatan dasar kewangan.

Di negara **Jepun**, pemulihan ekonomi nampaknya berterusan dan dijangka meningkat kepada 3.5% pada tahun 1996 berbanding dengan pencapaian sebanyak 0.9% pada tahun 1995. Peningkatan pertumbuhan didorong oleh beberapa langkah dasar untuk merangsangkan aktiviti ekonomi yang lesu berikutan dari kejatuhan harga aset, masalah sistem perbankan dan peningkatan mendadak nilai yen. Pertumbuhan pesat yang dicatatkan pada suku pertama tahun 1996, sebahagian besarnya mencerminkan projek-projek pembinaan semula selepas peristiwa gempa bumi di Kobe pada tahun 1995 dan juga pemulihan pelaburan perniagaan akibat keadaan kewangan yang longgar yang wujud sejak akhir tahun 1991. Pada suku tahun pertama, ekonomi telah tumbuh dengan pesat sehingga hampir 13%. Walaupun peningkatan KDNK secara mendadak ini tidak menunjukkan kekuatan sebenar aktiviti ekonomi; ia menandakan kelesuan ekonomi yang dialami oleh Jepun sejak empat tahun kebelakangan ini telah memasuki fasa peralihan terhadap pemulihan. Bagi tempoh akan datang, pertumbuhan dijangka akan dirangsang oleh permintaan persendirian

**Carta 3.2**  
**Arah Aliran Penentu Ekonomi**  
**Negara-Negara Perindustrian**



1/ Angka bagi 1996 adalah anggaran.

2/ Kadar faedah purata yang diwajibkan oleh nilai purata dalam dolar AS

3/ Kadar purata hasil atas bon-bon kerajaan.

4/ Sehingga bulan Jun 1996.

5/ Akhir tempoh kecuali 1996, sehingga pertengahan bulan September.

Sumber : IMF World Economic Outlook, September 1996.



dan penggunaan mengimbangi rangsangan pelaburan awam yang dijangka akan berkurangan. Pakej perbelanjaan awam yang sederhana berjumlah Y3,000 bilion (AS\$27.2 bilion) yang diluluskan pada bulan September diharapkan memudahkan proses peralihan dari pengembangan kepada penguncupan fiskal.

Di Eropah, terdapat tanda-tanda yang mengalakkan bahawa peningkatan aktiviti terutamanya di Jerman telah bermula tetapi samada pemulihan akan lebih meluas ke seluruh Eropah adalah kurang jelas. Usaha pengukuhan fiskal yang sedang berterusan di kebanyakan negara Eropah untuk memenuhi kriteria Maastricht sebelum tahun 1997 merupakan sebahagian dari punca kelembapan aktiviti ekonomi. Ketiadaan pemulihan aktiviti ekonomi yang menyakinkan mungkin memperbaharui kebimbangan mengenai keupayaan negara-negara EU untuk memenuhi kriteria penyatuan kewangan berhubung dengan tahap defisit belanjawan, inflasi dan hutang kerajaan. Keadaan ini memungkinkan kembalinya peningkatan kadar faedah di sesetengah negara dimana kebimbangan sedemikian sekali lagi melemahkan keyakinan dan permintaan. Di **Jerman**, petunjuk pengeluaran dalam suku kedua menggambarkan bahawa prospek pertumbuhan negara tersebut kini lebih cerah. Petunjuk-petunjuk penting memperlihatkan pemulihan di sektor pembinaan, peningkatan sederhana pengeluaran industri dan pertumbuhan positif eksport. Lonjakan ekonomi dalam anggaran suku tahun kedua dan pertumbuhan berterusan pada kadar yang lebih kurang sama pada separuh kedua 1996, memungkinkan ekonomi berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 1996 dengan pertumbuhan KDNK mencapai 1.3% berbanding 1.9% pada tahun 1995.

Walaupun pertumbuhan KDNK benar bagi **United Kingdom (UK)** dijangka merosot sedikit kepada 2.2% pada tahun 1996 (1995:2.5%), kadar pertumbuhannya masih lagi lebih kukuh berbanding dengan purata pertumbuhan di Kesatuan Eropah yang diramalkan pada 1.6%. Lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi negara UK terutamanya dalam sektor perkilangan sebahagiannya disebabkan permintaan yang lemah dari rakan perdagangan utama di Eropah dan ini telah membantu mengurangkan tekanan inflasi. Di negara Perancis, ekonomi seperti terkandas untuk sebahagian besar tahun 1996. Pertumbuhan KDNK dijangka merosot kepada 1.3% (1995:2.2%) berikutan penggunaan persendirian yang lemah, ketidakpastian pasaran perkerjaan, inflasi yang meningkat dan pertumbuhan pendapatan

bolehguna isirumah yang terus perlahan. Kesan positif pemulihan ekonomi Jerman bagi sektor eksport Perancis akan hanya menyusul kemudian dimana impak akan hanya dinikmati oleh Perancis pada tahun 1997. Walau bagaimanapun, pada penghujung tahun 1996, eksport mungkin meningkat sedikit apabila ekonomi-ekonomi di negara-negara EU lain kukuh dan kadar pertukaran wang utama Eropah menjadi stabil dan dengan itu membolehkan para pengeksport negara Perancis mendapat kembali bahagian pasaran.

Ekonomi-ekonomi Eropah yang lebih kecil seperti **Ireland** dan **Norway** diramalkan akan terus kukuh. Di **Ireland**, eksport dan perbelanjaan pengguna yang memberangsangkan dijangka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang sihat. Bersama disiplin kewangan, dasar berorientasi luar dan kemasukan pelaburan asing langsung yang agak tinggi, KDNK Ireland diramalkan terus kukuh pada 7% pada tahun 1996 (1995:10.3%). Aktiviti di **Norway** juga diramalkan terus sihat berlatarbelakangan penggunaan yang kukuh dan lebihan luaran yang besar. Pertumbuhan KDNK dalam tahun 1996 dijangkakan pada 4.5% (1995:3.3%).

**Australia** dan **New Zealand** juga dijangkakan meneruskan prestasi pertumbuhan seperti di beberapa tahun kebelakangan ini walaupun dasar kewangan yang ketat telah diperkenalkan untuk mengawal tekanan harga. Pertumbuhan ekonomi di New Zealand dijangka kekal pada 2.3% pada tahun 1996 (1995:2.2%) sementara pertumbuhan di Australia dijangka 3.8% (1995:3.2%).

## Inflasi

Di merata-rata negara perindustrian, kadar inflasi mencatat nilai yang rendah dalam beberapa tahun kebelakangan ini kerana pihak berkuasa di negara-negara tersebut sensitif kepada tekanan harga semasa ekonomi melalui pertumbuhan atau kemerosotan. Secara purata, inflasi harga pengguna dijangka berada dalam lingkungan 2%-2.5% pada tahun 1996(1995:2.4%).

Di **AS**, harga pengguna telah meningkat 4% pada separuh pertama tahun 1996 disebabkan kenaikan harga makanan dan tenaga. Harga buruh juga telah meningkat berdasarkan keadaan pasaran buruh yang agak ketat. Indeks harga pengguna pada tahun 1995 berada di bawah 3% tetapi dengan penggunaan kapasiti mencapai tahap yang tinggi



**Jadual 3.1**

**Negara-negara Perindustrian Terpilih—  
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama  
(1993-1997)**

|                                            | Negara-negara Perindustrian | Amerika Syarikat | Jepun | Jerman | United Kingdom |
|--------------------------------------------|-----------------------------|------------------|-------|--------|----------------|
| <b>Pertumbuhan KDNK Benar (%)</b>          |                             |                  |       |        |                |
| <i>Tahun</i>                               |                             |                  |       |        |                |
| 1993                                       | 0.9                         | 2.2              | 0.1   | -1.2   | 2.3            |
| 1994                                       | 2.8                         | 3.5              | 0.5   | 2.9    | 3.9            |
| 1995                                       | 2.1                         | 2.0              | 0.9   | 1.9    | 2.5            |
| 1996 <sup>a</sup>                          | 2.3                         | 2.4              | 3.5   | 1.3    | 2.2            |
| 1997 <sup>u</sup>                          | 2.5                         | 2.3              | 2.7   | 2.4    | 3.0            |
| <b>Inflasi (%)</b>                         |                             |                  |       |        |                |
| <i>Tahun</i>                               |                             |                  |       |        |                |
| 1993                                       | 2.9                         | 3.0              | 1.3   | 4.5    | 3.0            |
| 1994                                       | 2.3                         | 2.6              | 0.7   | 2.7    | 2.4            |
| 1995                                       | 2.4                         | 2.8              | -0.1  | 1.8    | 2.8            |
| 1996 <sup>a</sup>                          | 2.3                         | 2.8              | 0.2   | 1.6    | 2.7            |
| 1997 <sup>u</sup>                          | 2.4                         | 2.8              | 1.3   | 1.7    | 2.4            |
| <b>Pengangguran (%)</b>                    |                             |                  |       |        |                |
| <i>Tahun</i>                               |                             |                  |       |        |                |
| 1993                                       | 8.2                         | 6.9              | 2.5   | 8.9    | 8.9            |
| 1994                                       | 8.1                         | 6.1              | 2.9   | 9.6    | 9.3            |
| 1995                                       | 7.7                         | 5.6              | 3.1   | 9.4    | 8.2            |
| 1996 <sup>a</sup>                          | 7.8                         | 5.6              | 3.5   | 10.3   | 7.7            |
| 1997 <sup>u</sup>                          | 7.6                         | 5.6              | 3.4   | 10.0   | 7.3            |
| <b>Imbangan Akaun Semasa (AS\$ bilion)</b> |                             |                  |       |        |                |
| <i>Tahun</i>                               |                             |                  |       |        |                |
| 1993                                       | -30.0                       | -99.9            | 132.2 | -16.3  | -16.6          |
| 1994                                       | -7.4                        | -148.4           | 130.6 | -21.4  | -2.9           |
| 1995                                       | 15.8                        | 148.2            | 111.4 | -17.4  | -12.0          |
| 1996 <sup>a</sup>                          | -2.5                        | 150.9            | 70.7  | -10.7  | -7.2           |
| 1997 <sup>u</sup>                          | -1.0                        | 154.8            | 77.1  | -7.3   | -8.0           |

<sup>1</sup> Harga Pengguna

<sup>a</sup> anggaran

<sup>u</sup> unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1996  
OECD Economic Outlook June 1996 dan  
sumber-sumber rasmi.

dan kadar pengangguran pula berada pada tahap terendah dalam jangkamasa enam tahun iaitu sebanyak 5.1% pada bulan Ogos 1996, mewujudkan risiko inflasi. Oleh kerana pihak berkuasa AS adalah komited kepada kadar inflasi yang di bawah paras 3% pada tahun 1996, Rizab Persekutuan mungkin menaikkan kadar faedah jangka pendek pada penghujung tahun 1996. Di negara **Jepun**, selepas hampir dua tahun mengalami deflasi harga, kadar inflasi kini berada pada tahap yang amat rendah dan secara purata indeks harga pengguna bagi keseluruhan tahun 1996 dijangka berada di paras 0.2%(1995:-0.1%). Berdasarkan pemulihan yang dapat dipertahankan berserta nilai yen yang rendah, terdapat kemungkinan tekanan harga akan menular kembali.

Di **Jerman**, walaupun harga tenaga dan komoditi belum diproses telah meningkat, inflasi harga import tetap rendah. Penyelesaian upah yang rendah dalam lingkungan 2% merupakan pengaruh yang penting ke atas tinjauan inflasi Jerman yang dijangka kekal 1.6% pada tahun 1996 (1995:1.8%). Di **UK**, inflasi 1996 dianggarkan 2.7%, kadar yang tinggi sedikit daripada sasaran inflasi kerajaan sebanyak 2.5%. Di **Perancis**, kadar inflasi dijangka berada pada tahap yang agak rendah kerana permintaan dalam negeri terus merosot disamping nilai franc yang stabil. Pada 1996 keseluruhannya, inflasi dijangka mencapai 2.1% (1995:1.8%).

### Pengangguran

Di kalangan negara-negara perindustrian, kedudukan pasaran buruh bercampur-campur. Di beberapa negara termasuk **Kanada, New Zealand**, dan yang paling ketara **AS**, pertumbuhan peluang-peluang pekerjaan memberangsangkan. Keadaan ini didorong oleh pasaran buruh dan produk yang anjal dan dinamik, disamping kemajuan baik yang dicapai dalam pengukuhan fiskal. Di negara-negara lain, terutamanya di Eropah sebaliknya, kelemahan struktur telah menyebabkan kadar pengangguran meningkat dalam tempoh dua puluh lima tahun kebelakangan ini.

Di **AS** secara purata, kadar pengangguran mencatat 5.6% pada tahun 1995 dan dijangka berada di bawah 6% pada tahun 1996. Secara relatif, kadar pengangguran yang rendah ini berpotensi mewujudkan tekanan ke atas harga apabila keuntungan korporat memberi skop untuk peningkatan kadar upah. Sejak beberapa tahun



kebelakangan AS dianggap berjaya mencapai tahap pekerjaan yang tinggi disamping mengekalkan pertumbuhan selaras dengan kadar potensi dan dengan kadar inflasi yang rendah. Pencapaian baik ini disebabkan pasaran buruh AS yang dinamik dan stabil yang membolehkan sektor buruh berkembang dan memudahkan pengurusan ekonomi makro. Pertumbuhan peluang pekerjaan di **Jepun** pula dijangka tidak dapat pulih untuk beberapa bulan akan datang walaupun terdapat pertumbuhan ekonomi. Ini kerana syarikat-syarikat dijangka meneruskan usaha-usaha menstruktur semula untuk mengurangkan kos tetap, yang mana kos buruh merupakan salah satu komponen yang terbesar. Kadar pengangguran di Jepun dijangka bertambah sedikit sebanyak 3.5% pada tahun 1996 (1995:3.1%). Di **Jerman**, kadar pengangguran di bahagian barat kini berada pada kadar 8.7% sementara di bahagian timur, kadar penganggurannya sebanyak 15.7%. Kadar pengangguran tinggi yang berpanjangan beberapa tahun kebelakangan ini telah sedikit sebanyak berjaya mewujudkan persefahaman dikalangan pihak pekerja, pengusaha perniagaan dan kerajaan bahawa usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran bukan sahaja memerlukan pertumbuhan ekonomi yang pesat, tetapi juga reformasi pasaran buruh yang lebih menyeluruh. Antara perubahan yang sedang berlaku di pasaran buruh termasuklah pergerakan ke arah mencapai kata sepakat dan rundingan mengenai upah dijalankan di peringkat kilang dan tidak di peringkat industri. Berlatarbelakangkan kedudukan ekonomi yang lesu dan sektor perindustrian yang sedang melalui proses penstrukturan semula, kadar pengangguran Jerman keseluruhannya dijangka meningkat pada tahun 1996 kepada 10.3% (1995:9.4%). Di **UK**, kadar pengangguran dijangka merosot dari 8.2% pada tahun 1995 kepada 7.7% pada tahun 1996. Keadaan ini sebahagian besar disebabkan perubahan cerah di pasaran-pasaran eksport mulai penghujung tahun 1996. Kadar pengangguran di negara **Perancis** pula dijangka meningkat kepada 12.4% pada tahun 1996 (1995:11.6%) kerana kemerosotan ekonomi memburukkan lagi prospek pewujudan perkerjaan. Kadar pengangguran negara Perancis yang berterusan tersebut disebabkan juga oleh kos buruh yang lebih tinggi dari kadar produktiviti dan kemudahan sosial yang mengurangkan insentif untuk berkerja dan mewujudkan perkerjaan.

## Imbangan Pembayaran

Walaupun pertumbuhan defisit akaun semasa sebagai peratusan KNK di negara-negara perindustrian besar seperti AS dan Jerman semakin perlahan, ketidakseimbangan antarabangsa dijangka masih lagi besar. Pada tahun 1996 defisit akaun semasa negara-negara perindustrian besar dijangka sebanyak AS\$46 bilion berbanding dengan AS\$29 bilion pada tahun 1995 dan kemudiannya merosot sedikit kepada AS\$45 billion pada tahun 1997. Pengetatan dasar kewangan dan fiskal di kebanyakan negara-negara perindustrian menyumbang kepada pertumbuhan yang perlahan defisit tersebut.

Defisit akaun semasa **AS** dijangka kekal dalam lingkungan AS\$150 bilion pada tahun 1996 (1995:AS\$148.2 bilion) atau 2% daripada KNK. Pendapatan luar yang tumbuh lebih perlahan dari pembayaran ke luar negara menyumbang kepada defisit akaun semasa yang besar ini. Di **Jepun**, pembetulan kadar yen/\$ dalam 12 bulan kebelakangan ini besar kemungkinan akan mengurangkan lagi defisit akaun semasa. Adalah dijangka bahawa lebih akaun semasa akan berkurangan sebanyak 26% (1996:AS\$70.7bilion) disebabkan pertumbuhan import terus bertambah dengan pesat disebabkan perubahan dalam penebusan import luar negara. Pada bulan Julai 1996 lebih perdagangan sebanyak 27.3% (Jun:25.5%), kesan daripada pemindahan pengeluaran ke luar negara.

Di Jerman, disebabkan pertumbuhan permintaan dalam negeri lemah tetapi pertumbuhan eksport dapat dipertahankan, defisit akaun semasa pada tahun 1996 dijangka kekal pada tahap 1995 sebanyak AS\$17.4 bilion atau 0.9% dari KNK. Kedudukan luaran negara **Perancis** kekal kuat dengan lebih akaun semasa pada tahun 1996 dijangka meningkat semula disebabkan eksport barangan modal yang kukuh. Secara keseluruhan, lebih akaun semasa dijangka kekal pada 1% dari KNK (1995: AS\$18.2 billion atau 1.5% dari KNK). Akaun semasa bagi **UK** dijangka mencatat lebih pada tahun 1996, iaitu yang terbesar dalam tempoh sembilan tahun. Lebih tersebut berpunca dari prestasi akaun perkhidmatan yang baik apabila pendapatan dari sektor pelancongan dan pelaburan mencatatkan pertumbuhan yang pesat. Walaupun begitu terdapat kemerosotan akaun dagangan UK kepada AS\$19.4 bilion pada tahun 1996 (1995:AS\$18 bilion).



## Kedudukan Ekonomi Negara-negara Membangun

Ekonomi negara-negara membangun dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 6% pada tahun 1996 (1995: 5.8%) didorong oleh pemulihan yang telah bermula di Mexico dan Argentina, hasil usaha-usaha penstabilan dan pembaharuan yang gigih di banyak negara terutamanya di Afrika, dan perkembangan berterusan mahupun pada tahap yang sederhana di beberapa negara pasaran baru muncul Asia. Di negara-negara pasaran baru muncul, aktiviti ekonomi dijangka terus kukuh pada tahun 1996 berikutan fundamental dalam negeri yang kuat dan aliran masuk modal yang besar secara berterusan terutamanya FDI. Bersamaan jangkaan kadar pertumbuhan tinggi, kebanyakan negara-negara pasaran baru muncul terus menghadapi risiko pertumbuhan yang terlalu pantas yang boleh mengganggu keseimbangan makroekonomi, menambah tekanan inflasi dan pasaran kewangan. Seperti tahun-tahun yang lalu, negara-negara pasaran baru muncul kekal sebagai pasaran eksport yang dinamik bagi negara-negara maju, begitu juga sesama mereka.

### Ekonomi-Ekonomi ASEAN

Pada tahun 1996, pertumbuhan KDNK rantau ASEAN dijangka kekal kukuh pada 7.0% (1995: 7.4%). Pelaburan dan permintaan dalam negeri yang tinggi terus memacu pertumbuhan di Malaysia, Thailand, Indonesia dan Singapura. Inflasi negara-negara ASEAN dijangka turun kepada 4.8% (1995: 5.4%) disebabkan oleh dasar kewangan dan fiskal yang ketat.

### Pengeluaran

Ekonomi **Brunei** dijangka tumbuh pada tahap yang lebih tinggi sebanyak 3% pada tahun 1996 (1995: 2%) didorong oleh harga minyak yang lebih tinggi dan pertumbuhan pesat sektor bukan minyak. Sektor perkhidmatan dan pembinaan juga dijangka menyumbang kepada prestasi keseluruhan ekonomi hasil daripada beberapa program baru di bawah Rancangan Ke Tujuh Pembangunan Lima Tahun Kebangsaan bermula pada tahun 1996. Pertumbuhan ekonomi **Indonesia** dijangka terus kukuh diterajui oleh peningkatan pelaburan, perubahan asas industri, dan kenaikan kuasa beli pengguna. Pada tahun 1996, pengeluaran dijangka

tumbuh sebanyak 7.6% (1995: 8.1%). Pelaburan awam juga dijangka meningkat ke arah mencapai pembangunan infrastruktur yang diperlukan. Sementara itu, kenaikan kos buruh dan kemunculan negara-negara lain di Asia, terutamanya di sektor tekstil dan pakaian, telah menghakis daya saing Indonesia. Penggunaan juga dijangka bertambah berikutan peningkatan pendapatan bolehguna. Ekonomi **Malaysia** dijangka perlahan sedikit ke paras yang berkekalan sebanyak 8.2% pada tahun 1996 (1995: 9.5%) dengan kadar pertumbuhan di semua sektor dijangka lebih perlahan. Pertumbuhan terus dipacu oleh pertumbuhan dua angka di sektor perkilangan dan juga perkembangan pesat sektor perkhidmatan dan pembinaan. **Filipina** terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang kuat yang bermula pada tahun 1992 dan dijangka tumbuh sebanyak 5.9% pada tahun 1996 (1995: 4.8%) diterajui oleh pelaburan dan eksport. Pertumbuhan yang kuat ini disebabkan oleh kejayaan langkah-langkah pembaharuan yang dimulakan pada awal tahun 1995, termasuk liberalisasi penuh urusaniaga akaun semasa, pembaharuan cukai, kelonggaran peraturan sektor tenaga, dan pewujudan sistem tarif yang seragam. Ini merupakan pertumbuhan tertinggi Filipina dalam dekad ini, mencerminkan kestabilan politik dan komitmen yang kuat terhadap dasar-dasar makroekonomi. Di bahagian permintaan, pertumbuhan yang tinggi penggunaan swasta, perkembangan pesat pelaburan dalam dan luar negeri serta prestasi eksport yang kukuh merupakan penyumbang utama pertumbuhan pada tahun 1996. Filipina dijangka mencatat pertumbuhan eksport terpanjang di rantau ASEAN. Peningkatan pertumbuhan ekonomi Filipina pada tahun 1996 akan dapat memperbaiki keadaan pasaran buruh dengan kadar pengangguran dijangka turun lebih kurang 8.5% daripada jumlah tenaga buruh daripada hampir 10% pada tahun 1995.

Ekonomi **Singapura**, dijangka terus perlahan pada paras yang lebih hampir dengan potensi sebenar sebanyak 7%-8% pada tahun 1996 (1995: 8.9%) disebabkan oleh pertumbuhan sektor perkilangan yang lemah kerana kejatuhan permintaan dunia terhadap barangan elektronik serta pengurangan daya saing barangan perkilangan lain akibat kenaikan nilai dolar Singapura. Di sebalik kelembapan sektor pembuatan, pertumbuhan sektor perkhidmatan termasuk kewangan, perniagaan, telekomunikasi, pelancongan dan aktiviti berkaitan dengan



perkhidmatan perkilang masih mampan. Setelah mengalami pertumbuhan KDNK sebanyak 8.7% pada tahun 1995, kelebihan fiskal, dasar kewangan yang ketat dan permintaan luar negeri yang lemah terhadap eksport dijangka memperlambatkan pertumbuhan ekonomi **Thailand** pada tahun 1996 di bawah paras 7%. Pertumbuhan perlahan eksport yang mendadak pada separuh pertama 1996 dijangka pulih pada separuh kedua 1996 walaupun terdapat hakisan daya saing yang mengurangkan pulangan yang lebih baik kepada industri eksport. Pertumbuhan dijangka didorong oleh permintaan dalam negeri, terutamanya sektor perkilangan dan pembinaan serta pelancongan. Pada tahun 1996, keterbukaan akaun modal di Thailand telah menyebabkan pergolakan aliran masuk modal yang besar. Kerajaan telah melancarkan beberapa langkah untuk menggalakkan tabungan dalam negeri dan pengawalan kredit yang lebih ketat serta mengenakan garispanduan yang lebih tegas kepada syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank perdagangan. Di **Vietnam**, pertumbuhan ekonomi dijangka kekal pada paras 1995 iaitu sebanyak 9.5%, didorong oleh peningkatan pelaburan yang berterusan dan pembangunan sektor pembinaan yang pesat.

## Inflasi

Inflasi di beberapa negara ASEAN dijangka terus berada pada paras yang rendah. Kadar inflasi di **Brunei** diramalkan turun kepada 3.4% pada tahun 1996 (1995: 6%) kesan kenaikan duti import kenderaan bermotor yang berkuatkuasa pada awal tahun 1995 telah mulai reda. Di **Indonesia**, inflasi dijangka turun sedikit kepada 9.1% pada tahun 1996 (1995: 9.4%) berikutan tindakan pihak berkuasa untuk mengawal inflasi dengan menurunkan harga kawalan yang merupakan lebih kurang satu per empat daripada indeks harga pengguna. Dengan penggunaan yang melonjak dan pertumbuhan tinggi bagi semua agregat permintaan, tekanan inflasi terus wujud. Kadar Inflasi di **Malaysia** dijangka kekal rendah pada 3.6% pada tahun 1996 (1995: 3.4%) hasil daripada dasar kewangan yang ketat dan dasar fiskal yang berhemat, disokong oleh langkah-langkah pentadbiran dan penguatkuasaan yang efektif. Pada tahun 1996, inflasi di **Filipina** dijangka berada pada lingkungan 8.5% (1995: 8.1%) disebabkan oleh faktor tolakan kos akibat pengembangan sistem cukai nilai-ditambah (VAT) dan kenaikan upah. **Singapura** pula dijangka dapat mengawal inflasi seperti pada tahun 1995 iaitu pada paras 1.7%, bersesuaian dengan pertumbuhan yang lebih perlahan. Kadar inflasi di **Thailand** dijangka turun kepada 4.2% pada tahun 1996 (1995: 5.8%) berikutan harga makanan telah kembali ke paras yang berpatutan diikuti pula oleh pelaksanaan

beberapa langkah untuk mengurangkan permintaan dalam negeri. Tekanan harga telah berkurangan semenjak suku kedua tahun 1996. Kadar inflasi di **Vietnam** dijangka turun kepada 9% pada tahun 1996 (1995: 12.8%) hasil dari langkah-langkah kewangan dan fiskal yang tegas, seperti penjualan bon untuk menggalakkan tabungan, kawalan ketat ke atas rezab wajib bank-bank perdagangan dan penstabilan kadar pertukaran.

Jadual 3.2

### ASEAN: Keluaran Dalam Negara Kasar Inflasi dan Imbangan Akaun Semasa

|                                             | 1995  | 1996 <sup>a</sup> | 1997 <sup>u</sup> |
|---------------------------------------------|-------|-------------------|-------------------|
| Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (%) |       |                   |                   |
| ASEAN                                       | 7.4   | 7.0               | 7.2               |
| Brunei                                      | 2.0   | 3.0               | 3.0               |
| Indonesia                                   | 8.1   | 7.6               | 7.9               |
| Malaysia                                    | 9.5   | 8.2               | 8.0               |
| Filipina                                    | 4.8   | 5.9               | 6.2               |
| Singapura                                   | 8.9   | 7.7               | 7.5               |
| Thailand                                    | 8.7   | 7.0               | 8.0               |
| Vietnam                                     | 9.5   | 9.5               | 10.0              |
| Kadar Inflasi (%)                           |       |                   |                   |
| ASEAN <sup>1</sup>                          | 5.4   | 4.8               | 4.6               |
| Brunei                                      | 6.0   | 3.4               | 3.0               |
| Indonesia                                   | 9.4   | 9.1               | 7.0               |
| Malaysia                                    | 3.4   | 3.6               | 3.5               |
| Filipina                                    | 8.1   | 8.5               | 6.2               |
| Singapura                                   | 1.7   | 1.7               | 2.5               |
| Thailand                                    | 5.8   | 4.2               | 4.5               |
| Vietnam                                     | 12.8  | 9.0               | 12.0              |
| Imbangan Akaun Semasa (AS\$b)               |       |                   |                   |
| ASEAN                                       | -22.2 | -20.0             | -16.1             |
| Brunei                                      | 0.6   | 0.7               | 0.6               |
| Indonesia                                   | -8.7  | -7.3              | -7.0              |
| Malaysia                                    | -7.5  | -5.9              | -4.6              |
| Filipina                                    | -3.5  | -2.7              | -2.4              |
| Singapura                                   | 10.2  | 10.8              | 12.0              |
| Thailand                                    | -11.5 | -12.4             | -11.5             |
| Vietnam                                     | -2.3  | -3.2              | -3.2              |

<sup>1</sup> Anggaran, diwajarkan berdasarkan bahagian relatif KDNK tahun 1988-1990

<sup>a</sup> Anggaran

<sup>u</sup> Unjuran

Sumber: World Economic Outlook, September 1996, APEC Economies: Recent Development and Outlook, Oktober 1996



## Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Pada keseluruhannya, pertumbuhan eksport di rantau ASEAN dijangka berkurangan sedikit pada tahun 1996 disebabkan oleh ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang perlahan, ramalan yang sederhana di Eropah, lebih kapasiti industri semikonduktor di pasaran dunia dan daya saing yang berkurangan disebabkan oleh kenaikan nilai matawang. Jumlah perdagangan ASEAN pada tahun 1996 dijangka mencapai AS\$696.7 bilion berbanding AS\$616 bilion pada tahun 1995. Kedudukan keseluruhan akaun semasa dijangka menunjukkan kemajuan dengan Filipina mencatat defisit akaun semasa yang lebih kecil sementara Brunei dan Singapura mencatat lebih yang meningkat. Sungguhpun harga minyak turun eksport **Brunei** dijangka meningkat sebanyak 8.6% pada tahun 1996 dengan sumbangan yang meningkat daripada sektor bukan minyak iaitu lebih tinggi daripada pertumbuhan import sebanyak 7.4%. Eksport **Indonesia** dijangka meningkat sebanyak 12% pada tahun 1996. Import dijangka kekal tinggi pada kadar 13.6% disebabkan kebanyakan industri masih berusaha untuk memantapkan kedudukan dan sektor pembinaan terus mengalami pertumbuhan yang kuat. Namun begitu, defisit akaun semasa dijangka berkurangan daripada AS\$8.7 bilion atau 1.5% daripada KNK pada tahun 1995 kepada AS\$7.3 bilion. Walau bagaimanapun, unjuran ini dibuat berandaikan bahawa pertumbuhan eksport barangan bukan minyak lebih stabil pada kadar 16%-18% setahun dan tidak ada perubahan ketara kadar pertukaran. Bagi tahun 1996, defisit akaun semasa **Malaysia** dijangka berkurangan iaitu daripada 9% daripada KNK pada tahun 1995 kepada 6.3% pada tahun 1996. Ini disebabkan oleh lebih akaun dagangan yang dijangka meningkat dari AS\$0.1 bilion pada tahun 1995 kepada AS\$1.8 bilion pada tahun 1996. Defisit perdagangan dan akaun semasa dijangka mengiringi perkembangan ekonomi di **Filipina**. Imbangan perdagangan dijangka mencatat defisit sebanyak AS\$9.2 bilion pada tahun 1996 (1995: AS\$8.7 bilion). Walau bagaimanapun, lebih perdagangan tak ketara dan pindahan bayaran diramal stabil dan sedikit sebanyak mengurangkan defisit akaun semasa yang dijangka sebanyak AS\$2.7 bilion pada tahun 1996 atau 3% daripada KNK (1995: AS\$3.5 bilion). Eksport **Thailand** dijangka tumbuh sebanyak AS\$65.6 bilion pada tahun 1996 (1995: AS\$56.2 bilion) setelah pulih daripada kelembapan pada separuh pertama 1996. Import dijangka meningkat

sebanyak AS\$79.8 bilion pada tahun 1996 didorong oleh permintaan barangan modal dan perantaraan. Sungguhpun tanggungan luar negeri jangka pendek telah mendedahkan ekonomi Thailand kepada risiko pengaliran keluar modal, aliran keluar yang tinggi dijangka tidak akan berlaku kerana prospek jangka panjang ekonomi Thailand masih memberansangkan disebabkan negara tersebut mengamalkan dasar ekonomi makro yang baik. Defisit akaun semasa dijangka meningkat sedikit kepada AS\$12.4 bilion pada tahun 1996 atau 8.1% daripada KNK (1995: AS\$11.5 bilion). Pada tahun 1996, eksport **Vietnam** dijangka berkembang sebanyak 35.9% disebabkan oleh peningkatan eksport minyak mentah, beras, kopi, dan pakaian berikutan harga pasaran antarabangsa yang baik. Import dijangka tumbuh sebanyak 31.7% pada tahun 1996, walaupun pertumbuhan import barangan pengguna kekal di bawah 20%. Pada keseluruhannya, defisit akaun semasa Vietnam dianggarkan sebanyak 8.9% daripada KNK pada tahun 1996 (1995: 10.2% daripada KNK).

## Kerjasama Ekonomi

Berikutan Sidang Kemuncak Kelima Ketua-Ketua Kerajaan pada bulan Disember 1995, ASEAN telah menekankan usaha-usaha ke arah mendalami dan meluaskan skop kerjasama ekonomi antara negara-negara anggota. Kunci utama kepada usaha-usaha ke arah meningkatkan kerjasama ini ialah mempercepatkan tempoh mencapai Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) daripada 15 kepada 10 tahun. Pelaksanaan Skim Tarif Keutamaan Berkesan Sama Rata (CEPT) telah membuahkan hasil termasuk penambahan liputan produk, menunjukkan AFTA boleh direalisasikan pada tahun 2003. Berbagai usaha kemudahan perdagangan telah dilaksanakan untuk menyokong proses AFTA-CEPT termasuk antaranya, nomenklatur tarif, penilaian dan prosedur kastam, dan pemansuhan halangan bukan perdagangan (NTBs) bagi produk perkilangan dan pertanian. Untuk memastikan pengaliran barangan yang teratur dan tiada halangan menyeberangi sempadan di rantau ASEAN, sistem laluan hijau untuk membantu pelepasan kastam bagi barangan CEPT telah beroperasi di semua negara anggota. Dengan laluan ini, masa pemprosesan berkurangan sebanyak 40%-60%. Salah satu pencapaian yang ketara dalam menyokong proses AFTA adalah Peraturan Tempasal CEPT bagi tekstil dan produk tekstil yang telah diluluskan oleh Menteri-menteri



Ekonomi ASEAN (AEM) semasa mesyuarat yang ke 28 mereka pada bulan September 1996. Peraturan Tempasal CEPT bagi tekstil dan produk tekstil ini membolehkan penggunaan kriteria pertukaran proses ketara sebagai alternatif kepada kriteria peratusan yang wujud sekarang. Peraturan baru ini akan membantu meningkatkan perdagangan intra-ASEAN bagi tekstil dan produk tekstil, begitu juga menjadikan produk tekstil ASEAN lebih berdaya saing di pasaran dunia.

Kerjasama ekonomi ASEAN juga telah berkembang meliputi beberapa bidang termasuk perkhidmatan, harta intelek, dan pembangunan Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA). Untuk mengekalkan daya saing ASEAN dalam bidang perindustrian dan memastikan daya tarikan sebagai kawasan pelaburan bagi pengeluaran pasaran dunia dapat dipertahankan, Perjanjian Skim Kerjasama Perindustrian ASEAN (AICO) telah dipersetujui oleh Menteri-Menteri Ekonomi pada bulan September 1996. AICO akan beroperasi pada 1 November 1996 dan dijangka menggalakkan pelaburan dalam industri berasaskan teknologi dan aktiviti-aktiviti nilai ditambah. Pelan Tindakan mengenai Kerjasama dan Promosi Pelaburan Asing Langsung dan Pelaburan Intra-ASEAN telah juga ditandatangani. Ia dilaksanakan melalui Program Kerja Tahun 1996-1998 yang merangkumi 32 projek. Mesyuarat AEM Ke 28 juga bersetuju dengan cadangan Ketua-ketua Agensi Pelaburan ASEAN (AHIA) untuk merealisasikan Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) pada tahun 2003. Objektif utama AIA ialah untuk meningkatkan bahagian pelaburan asing langsung ASEAN di Asia dan meningkatkan pelaburan daripada negara-negara ASEAN dan bukan ASEAN dengan meningkatkan daya tarikan dan daya saing ASEAN menerusi pengurangan dan pemansuhan sekatan pelaburan. Dalam bidang perkhidmatan, negara-negara anggota ASEAN telah mula berunding mengenai kemasukan ke pasaran untuk perkhidmatan kewangan, telekomunikasi, pelancongan, pengangkutan udara, pengangkutan maritim, pembinaan dan perniagaan. Rundingan sektor pelancongan dan telekomunikasi dijadualkan tamat pada 30 Jun 1997, sementara lima sektor yang lain dijangka tamat pada 31 Disember 1998. Sementara itu, kerjasama dalam bidang harta intelek sedang dalam rundingan, begitu juga penyeliaan terhadap perkembangan bidang ini di peringkat serantau dan antarabangsa demi untuk mencari kata sepakat ke atas beberapa perkara yang berkepentingan kepada ASEAN. Program

Tindakan untuk tahun 1996-1998 juga telah disediakan untuk dilaksanakan secara berperingkat.

Menyedari tentang meningkatnya kesulitan peraturan-peraturan kerjasama ASEAN, keperluan untuk lebih telus dan memastikan setiap komitmen dilaksanakan tanpa diskriminasi, negara-negara anggota bersetuju mewujudkan satu mekanisme untuk menyelesaikan sebarang pertikaian perdagangan. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Ke 28 AEM telah meluluskan Perjanjian Mekanisma Penyelesaian Pertikaian (DSM) merangkumi semua perjanjian ekonomi ASEAN. Perjanjian ini akan ditandatangani secara rasmi semasa Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Ketua-ketua Kerajaan ASEAN Yang Pertama pada bulan November 1996. Perjanjian ini didasarkan kepada Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia WTO yang berkaitan dengan penyelesaian pertikaian. Walau bagaimanapun, dalam konteks ASEAN, Mekanisma Penyelesaian Pertikaian ini mengandungi penekanan tambahan selaras dengan falsafah kumpulan ASEAN untuk menangani setiap masalah dalam suasana kemesraan dan persefahaman.

Keperluan untuk mengeratkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara jiran ASEAN serta kemungkinan untuk meluaskan lagi pertalian politik dan ekonomi kumpulan ini telah mendorong penggubal-penggubal dasar untuk berbincang mengenai isu-isu ini beberapa bulan kebelakangan ini. Langkah penting untuk merealisasikan ASEAN Sepuluh adalah inisiatif Kerjasama Pembangunan ASEAN- Delta Mekong yang telah dipersetujui pada 17 Jun 1996 oleh tujuh negara ASEAN dan empat negara riparian. Inisiatif ini berfaedah kepada semua negara di rantau Asia Tenggara, iaitu ASEAN, negara-negara CLM (Kemboja-Laos-Myanmar) dan juga China sebagai teras kumpulan. Keutamaan diberikan kepada cadangan daripada negara-negara riparian iaitu pembangunan infrastruktur, terutamanya dalam sektor pengangkutan, perhubungan, pengairan dan tenaga. Cadangan Malaysia untuk menghubungkan Kunming di China dan Singapura dengan landasan keretapi elektrik berkelajuan tinggi, paip gas antara negara-negara ASEAN dan negara-negara CLM, dan zon waktu yang seragam di kalangan negara ASEAN setelah negara-negara CLM menyertai ASEAN telah dipertimbangkan. Sehingga bulan September 1996, dua Kumpulan Kerja telah mengemukakan laporan kajian awal mereka mengenai implikasi kewangan



ke atas kerjasama Delta Mekong dan juga cadangan mengenai perhubungan keretapi.

#### **Rancangan Kawasan Pertumbuhan Segitiga ASEAN.**

Dua kawasan pertumbuhan segitiga ASEAN menyaksikan pengluasan kawasan yang diliputi supaya faedah-faedah kerjasama ekonomi dan pembangunan yang dinikmati dapat diperluaskan. Di bawah Pertumbuhan **Segitiga Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS-GT)**, Malaysia telah memperluaskan liputan dengan memasukkan negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang, manakala Indonesia pula memasukkan Sumatera Barat yang merupakan daerah ekonomi pendalaman bagi Wilayah Riau. Di bawah **Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA)**, Indonesia telah memasukan tujuh wilayah lagi, iaitu Kalimantan Tengah, Kalimantan Selatan, Sulawesi Tengah, Sulawesi Selatan dan Sulawesi Tenggara, Maluku dan Irian Jaya. Dengan perkembangan tersebut, kawasan-kawasan pertumbuhan ini akan menawarkan lebih banyak pilihan kepada pelabur-pelabur dan juga meningkatkan kerjasama yang lebih erat dikalangan sektor swasta.

Mesyuarat pertama **IMS-GT** di peringkat Menteri dan Pegawai Tertinggi telah diadakan pada bulan Mac 1996. Keputusan telah dibuat supaya dua Kumpulan Kerja ditubuhkan untuk mengendalikan usaha kerjasama dalam sektor perkhidmatan dan pelancongan, sebagai tambahan kepada empat Kumpulan Kerja asal yang telah ditubuhkan untuk mengkaji potensi pembangunan dan pelaburan dalam sektor infrastruktur, pertanian, industri serta pembangunan sumber manusia. Semenjak terasminya penubuhan Kerjasama Segitiga dalam bulan Disember 1994, aktiviti pelaburan bersama di antara Johor dan Sumatra Barat telah meningkat. Sektor swasta Malaysia terlibat dalam beberapa projek usahasama termasuk pembangunan dua perladangan kelapa sawit seluas 11,000 hektar dan 3,000 hektar di Sumatera Barat, pembinaan kilang simen dan terminal di Padang, pembangunan 350 hektar Taman Perindustrian Dumai, merekabentuk paip dan pembinaan saluran paip di Duri, Riau dan perkhidmatan feri di dalam Kawasan Segitiga IMS-GT. Kos pelaburan untuk projek-projek ini sahaja dianggarkan bernilai

RM1,083.6 juta. Projek-projek lain yang sedang diusahakan termasuklah kerjasama dalam pembangunan sumber manusia iaitu melibatkan pengambilan dan latihan kepada pekerja mahir dan separa mahir, program latihan lepasan ijazah dalam pelbagai bidang kejuruteraan dan latihan pra-pekerjaan; rawatan air serta projek yang berkaitan dengan pelancongan. Majlis Perdagangan IMS-GT juga turut ditubuhkan dengan tujuan untuk memudahkan interaksi antara wilayah dan perhubungan dikalangan usahawan.

Di bawah **BIMP-EAGA**, tiga belas Kumpulan Kerja ditubuhkan dan dalam jangkamasa 2 tahun sahaja telah mengenalpasti dan melaksanakan beberapa usaha kerjasama. Ini termasuklah kerjasama untuk memperkembangkan kemudahan telekomunikasi, udara dan laut, langkah-langkah memudahkan pergerakan manusia dan sumber yang ada di dalam EAGA dan juga pengurusan mampan sumber semulajadi. Buat masakini kawasan ini mempunyai 13 tempat yang dikaitkan dengan perkhidmatan udara berbanding hanya 5 sebelum penubuhan BIMP-EAGA. Kumpulan Kerja bagi Rangkaian Udara telah menetapkan untuk meningkatnya kepada 21 tempat dalam tempoh 3 tahun akan datang. Laluan kapal telah diwujudkan antara Mindanao dengan Sabah serta ke pelabuhan-pelabuhan utama di sepanjang pantai Borneo, Bitung, General Santos dan Davao. Kadar tarif telekomunikasi juga turut dikurangkan sebanyak 40 peratus bagi setiap panggilan ke luar negeri dalam lingkungan EAGA. Perubahan dasar turut dibuat bagi memudahkan urusan melintasi sempadan dan ini termasuklah pengecualian dari membayar cukai perjalanan keluar negeri bagi pekerja-pekerja ke destinasi dalam lingkungan EAGA oleh Filipina; menerima pakai '*Full Disclosure Policy*' dan '*Standard Contract of Employment*' untuk dilaksanakan secara bilateral; serta pemberian '*Fifth Freedom Traffic Rights*' untuk tempat-tempat utama dan syarikat penerbangan yang ditetapkan sebagai syarikat penerbangan BIMP-EAGA. Tabung Pertumbuhan BIMP-EAGA dengan modal permulaan sebanyak AS\$300 juta dijangka akan dilancarkan tidak lama lagi bagi membiayai prasarana yang boleh dimajukan dan juga projek-projek komersil di dalam wilayah tersebut. Dari segi pengurusan mampan sumber semula jadi, pencapaian yang penting ialah pengisytiharan Kawasan Perlindungan Warisan Pulau Penyu sebagai kawasan perlindungan dan pembiakan penyu laut oleh Malaysia dan Filipina.



Penubuhan Urusetia Tetap bagi Majlis Perdagangan ASEAN Timur di Brunei pada awal tahun 1996 memastikan sektor swasta dapat terus memainkan peranan utama dalam aktiviti-aktiviti BIMP-EAGA. Penyertaan aktif sektor swasta dapat dilihat dari jumlah Perjanjian Persefahaman (MoU) yang ditandatangani semenjak 1994 dan juga pembentukan beberapa Majlis dan Pertubuhan mengikut sektor. Berdasarkan MoU yang telah ditandatangani itu, nilai yang akan diusahakan dianggarkan berjumlah RM1.08 bilion meliputi sektor perladangan, perhutanan, perikanan, telekomunikasi dan kemudahan awam. Bagi menggalakkan kerjasama dan mengukuhkan hubungan dalam sektor perkapalan, '*Regional Ship Operators' Association*' telah ditubuhkan. Majlis Pelancongan ASEAN Timur telah juga ditubuhkan bagi melaksanakan antara lainnya aktiviti promosi bersama. Bagi mewujudkan pakatan strategik antara kumpulan yang terlibat dalam sektor pembinaan, Pertubuhan Kontraktor dan Juruperunding BIMP-EAGA telah ditubuhkan. Bank Pembangunan Asia (ADB) telah menaja kajian tinjauan BIMP-EAGA, yang telah dijalankan mulai bulan Mei 1995 dan disiapkan pada bulan April 1996. Kajian itu telah mengenalpasti lebih 150 dasar, program dan projek usahasama dalam semua sektor utama untuk dilaksanakan oleh pihak sektor awam dan swasta.

**Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT)** telah menunjukkan kemajuan dalam beberapa bidang semenjak penubuhannya pada tahun 1993, dengan bertambahnya projek-projek usahasama yang dikenalpasti. Kemajuan juga dicapai dengan mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan dan pelaksanaan projek, menggalakkan pertukaran maklumat serta menyelaraskan dan mempermudah dasar-dasar, peraturan dan prosidur-prosidur untuk mengujudkan suasana pelaburan yang lebih menarik. Berasaskan MoU yang telah ditandatangani jumlah pelaburan yang melibatkan syarikat-syarikat Malaysia dianggarkan hampir RM10.7 bilion meliputi pelbagai aktiviti-aktiviti ekonomi seperti perdagangan, tenaga, telekomunikasi, pelancongan, pembinaan, perkhidmatan perkapalan, pengangkutan udara dan laut. Antara projek usahasama utama yang sedang dilaksanakan termasuklah hotel bertaraf tiga bintang di Medan, pembangunan prasarana telekomunikasi di Medan dan Aceh, jalanraya bertol sepanjang 190 km yang menghubungkan Medan

dan Binjai, kawasan perindustrian seluas 400 hektar di Medan dan projek perumahan di Medan. Bagi mempermudah lagi kegiatan antara sempadan, Kerajaan Thailand dan Malaysia telah bersetuju dengan dasar mengadakan pemeriksaan sempadan sekali sahaja. Ini melibatkan hanya sebuah pusat pemeriksaan, sehelai borang pengisytiharan dan pengkomputaran prosidur kastam dan penggunaan dokumen dua bahasa bagi memudahkan pemeriksaan imigresen. Kerajaan Malaysia juga telah melanjutkan waktu pemeriksaan bagi perkhidmatan feri yang berulang alik antara Pulau Pinang, Lumut dan Belawan. Perkhidmatan feri sekarang dibenarkan beroperasi antara jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam waktu Malaysia. Kemudahan untuk pertukaran maklumat mengenai pasaran buruh dan daftar institusi latihan dalam wilayah juga sedang dibangunkan. Usaha juga sedang diambil untuk mewujudkan satu identiti bagi wilayah IMT-GT untuk menarik pelabur dari luar. Bagi membantu pembangunan IMT-GT, ADB yang telah mengendalikan Kajian Pembangunan untuk wilayah ini pada tahun 1994 telah menawarkan bantuan teknikal, pembiayaan projek serta bantuan pelaksanaan.

## **Ekonomi Negara-negara Asia Timur Laut**

Pertumbuhan ekonomi negara-negara Asia Timur Laut merangkumi China, Korea Selatan, Hong Kong, dan Taiwan dijangka menjadi lebih perlahan pada tahun 1996 dengan kebanyakan negara mengalami kemerosotan berbanding tahun 1995. Pada keseluruhannya, KDNK dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 6.5% (1995: 7.5%) dengan inflasi dibendung pada paras yang lebih rendah sebanyak 6.2% (1995: 8.5%).

### **Pengeluaran**

Pada tahun 1996, pertumbuhan ekonomi China dijangka perlahan pada tahap yang lebih mampan dengan KDNK benar dijangka antara 8% dan 9% (1995: 10.2%). Permintaan juga merosot kerana peningkatan timbunan inventori, hasil sektor awam yang rendah dan prestasi sektor pertanian yang lemah. Aktiviti ekonomi didorong terutamanya oleh perbelanjaan pelaburan asing. Kelembapan ekonomi China berpunca daripada beban hutang sektor negeri, dasar kredit yang ketat dan kadar pertukaran tinggi yang menyebabkan pertumbuhan eksport terbantut. Di **Korea Selatan**, pertumbuhan



## PENGEMBELINGAN SUMBER KEWANGAN DI KAWASAN PERTUMBUHAN SEGITIGA ASEAN

### I. PENGENALAN

1. Kerjasama ekonomi diperingkat kawasan pertumbuhan segitiga ASEAN telah dipercepatkan lagi dengan pembentukan Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS-GT), Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan juga Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA). Kerjasama perdagangan dan aktiviti-aktiviti pelaburan terus berkembang maju. Walau bagaimanapun, pembangunan berterusan kawasan pertumbuhan segitiga ini, terutamanya di IMT-GT dan BIMP-EAGA, memerlukan sumber pembiayaan yang sangat besar dalam merealisasikan sepenuhnya potensi ekonomi mereka. Rencana ini akan mengkaji keperluan pembiayaan yang dikenalpasti bagi kawasan kecil pertumbuhan, pilihan-pilihan sumber kewangan yang dapat diterokai dan juga usaha-usaha masakini yang diambil dalam mengembeling sumber kewangan yang diperlukan oleh kawasan pertumbuhan masing-masing.

2. Kekurangan infrastruktur kewangan yang tersusun di IMT-GT, dan lebih-lebih lagi di BIMP-EAGA merupakan kekangan utama kepada kerjasama ekonomi yang lebih rapat dalam kawasan pertumbuhan tersebut berbanding dengan IMS-GT yang mempunyai akses kepada kemudahan pasaran modal yang maju di Singapura. Usahawan dan pelabur menghadapi masalah mendapatkan pembiayaan oleh kerana keengganan kebanyakan bank untuk memberi pinjaman bagi pelaburan melangkaui sempadan, kos kredit yang tinggi di kawasan-kawasan tertentu dan kesulitan untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan. Kawasan BIMP-EAGA pula jauh ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi. Oleh kerana kawasan pertumbuhan segitiga ini masih belum diterokai, ianya tidak dapat menarik usahawan dan modal secukupnya. Bayaran bank yang tinggi, kelewatan yang disebabkan oleh transaksi antara sempadan, ketidaksanggupan pihak institusi kewangan membiayai perdagangan kecil adalah antara faktor-faktor yang menjejaskan perdagangan dan pelaburan di BIMP-EAGA. Pada amnya, pasaran kewangan di kawasan kecil IMT-GT dan BIMP-EAGA tidak berkembang di luar pusat bandar utama.

## II. KEPERLUAN-KEPERLUAN KEWANGAN YANG DIKENALPASTI.

### (a) Keperluan pembangunan.

3. Bank Pembangunan Asia (ADB) telah menjalankan Kajian-kajian Pembangunan dan Tinjauan untuk kawasan kecil pertumbuhan iaitu IMT-GT dan BIMP-EAGA. Pelbagai dasar, program dan projek usahasama telah dicadangkan dalam kajian tersebut. Untuk pembangunan IMT-GT; inisiatif-inisiatif dasar yang dicadangkan termasuklah menghapuskan dasar yang menjadi penghalang, mengubahsuai dan mempermudah dasar yang sedia ada dan menyelaraskan dasar di kalangan negara-negara **IMT-GT** untuk memudahkan dan menarik pelaburan. Program-program yang dikenalpasti untuk meningkatkan kerjasama meliputi pembangunan sumber manusia, penyebaran maklumat, pengurusan sumber alam, pembangunan teknologi, tahap kualiti industri umum dan tahap keselamatan pengangkutan. Projek-projek yang dicadangkan melibatkan pembinaan kemudahan dan prasarana fizikal termasuk meningkatkan kemudahan perdagangan dan perindustrian; pembinaan kemudahan untuk aktiviti perniagaan berasaskan pertanian dan peningkatan kemudahan pengangkutan untuk memudahkan perkembangan perdagangan, pelaburan dan aktiviti-aktiviti pelancongan. Pelaksanaan sepenuhnya pembangunan yang dicadangkan oleh kajian ADB tersebut dianggarkan memerlukan belanja sebanyak **AS\$15-20 bilion** bagi tempoh **10 tahun**. Sektor swasta dijangka menjadi sumber utama untuk membiayai projek berkenaan.

4. Bagi kawasan **BIMP-EAGA**, Kajian Tinjauan ADB itu mengemukakan lebih daripada 150 dasar dan program khas untuk pelaksanaan Strategi Pembangunan BIMP-EAGA yang dicadangkannya. Strategi Pembangunan ini bertujuan untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan melangkaui sempadan dengan memudahkan pengkhususan pengeluaran secara serantau di wilayah pertumbuhan itu. Program-program yang dicadangkan itu menumpukan perhatian bagi mengatasi kekangan-kekangan utama yang melibatkan kemudahan komersil dan fizikal dan juga sumber manusia di kawasan pertumbuhan ini; mengenalpasti peluang pelaburan dalam sektor yang produktif untuk penyertaan sektor swasta dan memberi tumpuan kepada pembangunan



industri bukan berasaskan sumber serta industri pemprosesan nilai tambah bagi pasaran tempatan dan juga untuk dieksport. Kajian tersebut tidak membuat anggaran jumlah sumber kewangan yang diperlukan untuk melaksanakan sepenuhnya Strategi Pembangunan tersebut sebagaimana yang dibuat dalam Kajian Pembangunan bagi IMT-GT. Walau bagaimanapun, Kajian ini menganggarkan kos awalan untuk Pelan Tindakan Awal, yang mengandungi dasar dan projek untuk dilaksanakan dalam tempoh dua tahun, berjumlah AS\$16 juta. Tidak seperti di IMT-GT, negara-negara di dalam BIMP-EAGA dikehendaki membiayai sebahagian besar (81%) daripada kos yang dianggarkan untuk Pelan Tindakan Awal itu dan bakinya disumbangkan oleh sektor swasta dan institusi-institusi kewangan pelbagaihala. Adalah dijangkakan bahawa bahagian pembiayaan yang ditanggung oleh sektor swasta akan meningkat dengan ketara apabila pelaksanaan projek infrastruktur dimulakan.

**(b) Pelaburan-pelaburan Usahasama Berpotensi yang melibatkan Syarikat-syarikat Malaysia.**

5. Jumlah projek pelaburan yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam dua kawasan pertumbuhan ini melibatkan tambahan kepada keperluan keseluruhan sumber kewangan. Berasaskan kepada Perjanjian Persefahaman (MoUs) yang ditandatangani dalam tempoh 1994-1996 oleh syarikat-syarikat Malaysia dengan rakan-rakan usahasama dari negara-negara peserta yang lain, pelaburan-pelaburan berpotensi dalam pelbagai sektor telah dianggarkan berjumlah hampir **RM11.8** bilion. Jadual 1 menunjukkan pecahan pelaburan-pelaburan mengikut sektor.

6. Di IMT-GT, pelaburan dalam projek infrastruktur dan kemudahan awam memerlukan pembiayaan yang sangat besar iaitu hampir RM10 bilion. Projek-projek yang dicadangkan dalam MoU berkenaan termasuklah pembinaan teleport di Langkawi, jambatan darat yang menghubungkan Songkla dengan Pulau Pinang, pembangunan Loji Penjanakuasa Persendirian yang berasaskan *build-own-operate* dan pembinaan lebuh raya antara Medan dan Binjai di Indonesia. Di BIMP-EAGA, penumpuan ialah dalam sektor perladangan dan kemudahan awam. Di antara projek-projek utama termasuk pembangunan tujuh buah ladang kelapa sawit di Kalimantan, Indonesia yang melibatkan keluasan berjumlah sekurang-kurangnya 154,000

**Jadual 1**

**Pelaburan-pelaburan yang Dijangkakan berasaskan Perjanjian Persefahaman yang Ditandatangani dengan Syarikat-syarikat di Kawasan Pertumbuhan Segitiga ASEAN 1994-1996 (RM juta)**

| Sektor               | IMT-GT  | BIMP-EAGA |
|----------------------|---------|-----------|
| Perladangan          | —       | 750.0     |
| Industri/perkilangan | 50.0    | 2.6       |
| Pelancongan          | 222.5   | —         |
| Perhutanan           | —       | 22.0      |
| Perikanan            | 202.0   | 51.0      |
| Kemudahan Awam       | 3,100.0 | 250.0     |
| Perdagangan          | 43.0    | 1.16      |
| Telekomunikasi       | 61.3    | 4.0       |
| Pertanian            | —       | 49.86     |
| Infrastruktur        | 6,810.0 | —         |
| Pembinaan            | 210.0   | —         |
| Jumlah               | 10,698. | 1,130.6   |

hektar, bekalan air di General Santos, Filipina dan pembinaan perumahan kos rendah di Palawan, Filipina. Kebanyakan aktiviti-aktiviti pertanian, perikanan dan perdagangan di BIMP-EAGA adalah dijalankan secara kecil-kecilan.

**III. SUMBER-SUMBER KEWANGAN PILIHAN**

7. Seperti yang diketahui, keperluan kewangan amatlah besar. Sebahagian besar daripadanya dijangkakan akan dibiayai oleh sektor swasta yang diharap akan memesatkan pembangunan ekonomi kawasan kecil pertumbuhan. Institusi kewangan pelbagaihala seperti Bank Pembangunan Asia boleh menjadi sumber kewangan bagi membiayai terutamanya projek antara negara, yang perlu dimajukan bersama antara dua atau lebih negara peserta. Pembiayaan oleh kerajaan mungkin penting untuk projek yang melibatkan perubahan dasar dan program pembangunan. Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa sumber kewangan tradisional adalah terhad. Oleh itu, pilihan sumber-sumber pembiayaan seperti pembiayaan swasta, pembiayaan luar negeri termasuklah pelaburan langsung asing, pelaburan portfolio ekuiti dan hutang swasta tidak dijamin perlu diaturkan dengan berkesan dan secara inovatif.



8. Pasaran modal yang berpotensi untuk diterokai termasuklah:

- i. Pasaran modal domestik dan antarabangsa;
- ii. Skim penswastaan atau pemberian kontrak;
- iii. Modal Teroka;
- iv. Kemudahan Kewangan secara Islam; dan
- v. Skim Kewangan Luar Pesisir Pantai.

#### (i) Pasaran Modal

Pembiayaan pelaburan berkaitan dengan infrastruktur mungkin memerlukan penggunaan pasaran modal domestik dan antarabangsa yang lebih meluas. Pembiayaan hutang, sama ada melalui bon-bon hasil atau bon-bon korporat dan alat pasaran modal lain akan meningkatkan tabungan bagi membiayai pembangunan infrastruktur dalam wilayah berkaitan. Tabung pencen dan syarikat-syarikat insurans nyawa yang inginkan pulangan yang stabil dalam tempoh jangka panjang berkemungkinan menjadi pelabur-pelabur utama di dalam bon-bon ini. Malaysia dan Thailand masing-masing menggalakkan pinjaman pasaran domestik dengan menubuhkan agensi penarafan sekuriti dan melonggarkan undang-undang, bagi membolehkan tabung pencen domestik dan kewangan insurans melabur di dalam projek-projek modal.

#### (ii) Skim Penswastaan

Penglibatan sektor swasta di dalam pembangunan infrastruktur juga boleh ditingkatkan melalui pelbagai skim penswastaan atau pemberian kontrak. Ini termasuklah skim *build-operate-transfer* (BOT) dan pelbagai lainnya. Pendekatan ini membolehkan projek-projek infrastruktur dilaksanakan dengan lebih cepat. Apa yang lebih penting ialah mengujudkan suasana pelaburan sesuai yang dapat menggalakkan skim pelaburan jenis ini.

#### (iii) Modal Teroka

Kemudahan modal teroka untuk menggalakkan pelaburan melangkaui sempadan akan membantu perusahaan sederhana dan kecil (SME) melaksanakan projek-projek berdaya maju di dalam kawasan

pertumbuhan kecil. Kemudahan modal teroka, yang mana pelabur-pelabur dapat memegang ekuiti, seharusnya diuruskan sendiri oleh sektor swasta. Agensi pembangunan pelbagai hala, tabung-tabung sektor swasta dari kawasan pertumbuhan dan juga kumpulan pelabur asing boleh menjadi sumber pembiayaan modal tersebut. Malaysia dan Indonesia masing-masing menggalakkan pembentukan syarikat modal teroka dan kini terdapat hampir 20 dan 70 syarikat sedemikian di negara masing-masing, yang boleh dijuruskan kearah untuk melaksanakan pelaburan melangkaui sempadan.

#### (iv) Kemudahan Kewangan Cara Islam

Sumber kewangan lain yang berpotensi ialah melalui peruntukan di bawah kemudahan kewangan cara Islam, yang akan menggalakkan dengan berkesan tabungan yang tidak dilaburkan oleh sebahagian besar penduduk Islam di kawasan pertumbuhan segitiga seperti di Thailand Selatan, Mindanao dan di Indonesia. Dalam hubungan ini, Malaysia telah melangkah ke hadapan dengan menubuhkan kemudahan perbankan tanpa faedah dan baru-baru ini juga telah mempromosikan Labuan IOFC sebagai pusat kewangan Islam. Jumlah yang besar daripada tabung-tabung asing, terutamanya daripada negara-negara Timur Tengah boleh disalurkan melalui mekanisma kewangan secara Islam. Alat-alat kewangan seperti skim amanah dan tabung secara Islam akan disediakan di Labuan.

#### (V) Skim-skim Kewangan Luar Pesisir Pantai

Bank-bank Luar Pesisir Pantai di Pusat Kewangan Luar Pesisir Pantai Labuan (IOFC) menawarkan beberapa jenis kemudahan kewangan. Kemudahan kredit bukan-ringgit termasuk pendahuluan jangka pendek dan jangka panjang, pembiayaan projek, pembiayaan perdagangan, *standby letter of credit*, jaminan bank, bon prestasi, pinjaman bersindikit dan perkhidmatan nasihat kewangan. Kemudahan-kemudahan kredit ini dikenakan harga yang kompetitif kerana Labuan mempunyai cukai korporat yang rendah (3 peratus atau RM20,000), pinjaman mata wang asing dari bank-bank pesisir pantai tidak dikenakan cukai pegangan dan dokumentasinya dikecualikan dari cukai stem. Justeru itu, kos pinjaman adalah rendah. Selain



daripada produk kewangan biasa, bank-bank luar pesisir pantai Labuan juga terlibat dalam pengeluaran Sekuriti Hutang Swasta (PDS). Dengan adanya beraneka jenis kemudahan, Labuan berupaya menawarkan keperluan kewangan bukan sahaja untuk BIMP-EAGA malahan untuk kawasan pertumbuhan segitiga yang lain.

#### IV. USAHA-USAHA KEWANGAN YANG DIJALANKAN

9. Kumpulan-kumpulan Kerja Kewangan khusus yang ditubuhkan bagi pusat pertumbuhan segitiga diberi tugas meninjau cara untuk menerokai sumber kewangan di dalam kawasan segitiga ini. Pelbagai inisiatif telah diambil terutamanya oleh sektor swasta untuk mengujudkan tabung-tabung yang diperlukan. Di **IMT-GT**, pihak swasta telah mencadangkan penubuhan **Over The Counter Market (OTC)**. Syarikat-syarikat yang berkelayakan di dalam kawasan segitiga boleh memperdagangkan saham secara OTC, serupa dengan *London's Stock Exchange Automated Quotations (SEAQ)* atau *Singapore's Club International*. Saham-saham akan didagangkan, dijelaskan dan diselesaikan secara elektronik dan syarikat-syarikat broker dari ketiga-tiga negara akan dilantik berdasarkan modal berbayar minima atau modal pemegang saham. Pusat operasi dicadangkan di Pulau Pinang. Projek ini pada hakikatnya akan mengujudkan tabung pelaburan wilayah untuk memudahkan pembiayaan bagi projek-projek pembangunan di **IMT-GT**.

10. Usaha juga sedang diambil untuk menubuhkan perkhidmatan perbankan tanpa faedah di Aceh, Medan dan Padang di Indonesia dan juga di Thailand Selatan. Malaysia yang telah mempunyai kemudahan perbankan secara Islam melalui Bank Islam (M) Bhd. sedang berusaha menyediakan kemudahan itu bersama rakan niaga mereka di Indonesia. Adalah dijangkakan bahawa bank Islam yang pertama akan beroperasi di Medan, Indonesia pada awal 1997. Usaha juga sedang dijalankan untuk menubuh kemudahan seumpamanya di Thailand Selatan.

11. Di BIMP-EAGA, di bawah usaha Kumpulan Kerja bagi Pembentukan Modal dan Perkhidmatan Kewangan, **Tabung Pertumbuhan BIMP-EAGA**

dijangka akan dilancarkan pada tahun ini. Tabung ini ialah tabung pelaburan langsung dengan kemudahan pembiayaan sebanyak AS\$300 juta, untuk dilaburkan dalam bentuk ekuiti dalam projek infrastruktur swasta dan komersil di BIMP-EAGA. Adalah dijangkakan bahawa setiap negara ahli BIMP-EAGA mempunyai sekurang-kurangnya *satu Core-Investor* kepada tabung ini. Objektif utama tabung ini ialah bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan segera BIMP-EAGA. Tabung ini bermaksud untuk mempunyai portfolio pelaburan berimbang dalam empat negara peserta di dalam BIMP-EAGA dengan mengenakan had maksima pelaburan yang boleh dibuat disetiap negara. Selain daripada badan-badan berkanun atau institusi kewangan kerajaan, institusi kewangan strategik atau komersil dari wilayah BIMP-EAGA atau dari luar boleh melabur ke dalam Tabung ini.

12. Pusat Kewangan Luar Pesisir Pantai Labuan sedang dipromosikan sebagai pusat sumber berpotensi untuk perkhidmatan kewangan di BIMP-EAGA dan menjadi pusat kewangan untuk wilayah tersebut. Labuan merupakan tuan rumah kepada 100 bank utama di dunia. Sebagai pusat luar pesisir pantai, bank-bank di Labuan menikmati keistimewaan yang tidak dinikmati oleh institusi kewangan domestik seperti cukai yang rendah, pengawasan yang minima, bebas dari keperluan risab berkanun, tiadanya peraturan kawalan pertukaran asing dan tahap kerahsiaan yang tinggi. Negara-negara peserta EAGA boleh menganggap Labuan sebagai satu pilihan untuk mendapatkan modal. Usaha-usaha sedang dibuat supaya Tabung Pertumbuhan BIMP-EAGA yang dicadangkan itu digabungkan di Labuan.

#### V. KESIMPULAN

13. Akses kepada modal yang mencukupi merupakan keperluan utama dalam menjayakan kerjasama kawasan pertumbuhan segitiga ASEAN. Segala usaha perlu digembeling untuk memastikan supaya iklim pelaburan di kawasan pertumbuhan ini lebih menarik. Ini bermakna segala asas kemudahan infrastruktur dan kerangka kewangan perlu disediakan bagi meningkatkan potensi kawasan-kawasan pertumbuhan dan seterusnya menarik pelaburan dari negara ASEAN sendiri dan asing.



dijangka perlahan kepada lebih kurang 7.3% pada tahun 1996 (1995: 9%) disebabkan oleh kelembapan sektor eksport dan kekenduran kadar pelaburan. Walaupun pertumbuhan pelaburan harta dan peralatan akan perlahan berbanding kadar yang pesat dua tahun lalu, perbelanjaan kekal kukuh berikutan usaha syarikat-syarikat berpindah daripada industri berintensifkan buruh kepada industri berintensifkan modal. Perbelanjaan penggunaan juga dijangka besar pada tahun 1996 disebabkan oleh kadar kenaikan upah yang tinggi. Pertumbuhan ekonomi **Taiwan** pula merosot kepada 5.7% pada separuh pertama 1996 akibat taufan dan ketegangan di Selat Taiwan yang memperlahankan pertumbuhan eksport. Walau bagaimanapun, aktiviti ekonomi dijangka berkembang pada separuh kedua 1996 berikutan peningkatan penggunaan sektor swasta, prestasi eksport yang semakin pulih dan pelaksanaan program kerajaan untuk menggalakan pertumbuhan. Untuk keseluruhan tahun 1996, pertumbuhan ekonomi Taiwan dijangka sebanyak 6% iaitu lebih kurang sama seperti tahun 1995 sebanyak 6.1%. Di **Hong Kong**, pertumbuhan KDNK benar untuk keseluruhan tahun 1996 dijangka sebanyak 5% (1995: 4.6%) dipacu oleh pelaburan infrastruktur, keadaan pasaran harta yang semakin baik dan pertumbuhan yang berkekalan di sektor perkhidmatan perdagangan dan pelancongan. Dalam tempoh beberapa bulan sebelum penyerahan rasmi kepada China, keyakinan terhadap masa depan Hong Kong terus kuat di kalangan pelabur-pelabur asing dan masyarakat peniaga tempatan.

## Inflasi

Inflasi di Asia Timur Laut secara keseluruhannya dijangka turun sedikit kepada 6.2% pada tahun 1996 (1995: 8.0%), disebabkan oleh dasar kewangan yang ketat di kebanyakan negara dan harga import yang stabil. Inflasi di negeri **China** dijangka dapat dibendung pada 9% pada tahun 1996 (1995: 14.8%) hasil daripada dasar kewangan dan fiskal yang ketat untuk membendung kenaikan harga. Di sebalik kejayaan memperlahankan pertumbuhan ekonomi pada awal tahun 1996, China walau bagaimanapun mungkin mengalami pertumbuhan permintaan agregat yang kuat, terutamanya apabila kemudahan kewangan diberikan kepada syarikat-syarikat milik negara. Di **Hong Kong**, inflasi diramal menjadi rendah sedikit pada paras 7.5% pada tahun 1996 (1995:

9%) selaras dengan kadar kenaikan harga barangan import yang berkurangan. Pengurangan kadar kenaikan kos perumahan juga membantu mengurangkan tekanan harga. Kadar Inflasi di **Taiwan** dijangka mencatat 3.6% pada tahun 1996 (1995: 3.7%) mencerminkan pendirian kewangan kerajaan dan harga import yang stabil. Penggunaan dan harga utiliti yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 1996 dijangka menyumbang kepada kenaikan harga di **Korea Selatan**, walaupun harga import lebih stabil dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Untuk keseluruhan tahun 1996, inflasi diramal pada paras 4.7% (1995: 4.5%).

**Jadual 3.3**

### Asia Timur Laut: Keluaran Dalam Negara Kasar, Inflasi dan Imbangan Akaun Semasa

|                                             | 1995 | 1996 <sup>a</sup> | 1997 <sup>u</sup> |
|---------------------------------------------|------|-------------------|-------------------|
| Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (%) |      |                   |                   |
| China <sup>1</sup>                          | 10.2 | 7.5               | 9.0               |
| Hong Kong                                   | 4.6  | 5.0               | 5.0               |
| Korea Selatan                               | 9.0  | 7.3               | 7.0               |
| Taiwan                                      | 6.1  | 6.0               | 5.9               |
| Kadar Inflasi (%)                           |      |                   |                   |
| China <sup>2</sup>                          | 14.8 | 9.0               | 8.5               |
| Hong Kong                                   | 9.0  | 7.5               | 7.2               |
| Korea Selatan                               | 4.5  | 4.7               | 4.8               |
| Taiwan                                      | 3.7  | 3.6               | 3.7               |
| Imbangan Akaun Semasa (AS\$b)               |      |                   |                   |
| China                                       | 17.2 | 30.0              | 11.7              |
| Hong Kong <sup>3</sup>                      | -3.3 | 9.1               | -10.0             |
| Korea Selatan                               | -8.6 | -4.1              | -2.4              |
| Taiwan                                      | 5.0  | 6.2               | 7.9               |

<sup>1</sup> KNK

<sup>2</sup> Kawasan bandar sahaja

<sup>3</sup> Imbangan perdagangan ketara (AS\$b)

<sup>a</sup> Anggaran

<sup>u</sup> Unjuran

Sumber: Laporan Negara, Economist Intelligence Unit Country Reports dan OECD Economic Outlook Jun 1996.



Pertumbuhan eksport **China** dijangka perlahan berbanding dengan pertumbuhan tahun sebelumnya disebabkan kehilangan daya saing di peringkat antarabangsa dan pengurangan rebet cukai nilai-ditambah yang diberikan kepada pengeksport, berserta dengan pertumbuhan yang perlahan di Amerika Syarikat dan perkembangan yang lemah di Eropah, di mana kedua-dua pasaran ini menerima hampir 40% daripada jumlah eksport China. Import juga dijangka perlahan pada tahun 1996. Pada keseluruhannya, China akan mencatat lebihan perdagangan sebanyak AS\$25 bilion pada tahun 1996. Lebihan akaun semasa kekal sebanyak AS\$30 bilion pada tahun 1996. Selaras dengan tinjauan ekonomi dunia yang lebih kukuh, eksport **Korea Selatan** dijangka tumbuh dengan selesa, tetapi pada kadar yang lebih perlahan berbanding tahun 1995. Perdagangan dan akaun semasa dijangka berkurangan pada tahun 1996 selaras dengan kelembapan eksport disebabkan import barangan perantaraan dan modal juga merosot berikutan pelaburan yang lemah serta kelembapan pertumbuhan eksport yang mengurangkan permintaan komponen yang diimport. Defisit perdagangan Korea dijangka sebanyak AS\$2 bilion (1995:-AS\$4.7 bilion) sementara defisit akaun semasa turun kepada AS\$4.1 bilion atau 1.3% daripada KNK (1995:-AS\$8.6 bilion). Ramalan eksport **Taiwan** ialah kedudukan lebih lemah pada tahun 1996 mencerminkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan di Amerika syarikat dan kelembapan berterusan di Eropah, khususnya permintaan yang lemah terhadap komputer dan peningkatan daya saing barangan eksport dari Jepun hasil daripada kelemahan nilai yen. Disebabkan kebergantungan Taiwan kepada sumber-sumber yang diimport termasuk komponen yang digunakan untuk eksport, import juga dijangka perlahan pada tahun 1996. Walau bagaimanapun, lebihan akaun semasa dijangka lebih besar, mencapai AS\$6.2 bilion (1995: AS\$5 bilion), mencerminkan pendapatan yang lebih tinggi daripada syarikat-syarikat besar Taiwan yang melabur di luar negara. Bagi tahun 1996, pertumbuhan pesat di sektor pelancongan, aktiviti perdagangan luar pesisir dan pembaikan kadar syarat perdagangan dijangka menyediakan lebihan akaun semasa **Hong Kong** sebanyak AS\$9.1 bilion, berbanding defisit sebanyak AS\$3.3 bilion pada tahun 1995.

### Pengeluaran

Pertumbuhan ekonomi di negara-negara membangun yang lain merangkumi Asia Selatan, Amerika Latin, Afrika dan Timur Tengah dijangka meningkat sedikit pada tahun 1996 berikutan beberapa negara di Amerika Latin mula pulih dan usaha-usaha penstabilan yang kuat di Afrika telah membuahkan hasil setelah beberapa tahun mengalami prestasi yang malap. Di rantau **Asia Selatan**, tinjauan keseluruhan agak tidak menentu kerana beberapa negara melaksanakan dasar kewangan yang ketat untuk mengurangkan "overheating" dan menangani masalah akaun semasa yang semakin teruk serta kehilangan daya saing di peringkat antarabangsa. **India** dijangka mencapai pertumbuhan sebanyak 5.9% pada tahun 1996 (1995: 6.2%), walaupun masalah infrastruktur yang mendesak dan kadar faedah yang tinggi akan terus mengekang permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, berikutan pembaharuan struktur yang diteruskan selepas pilihanraya, keyakinan pelabur telah melonjak dan pelaburan asing langsung meningkat sedikit demi sedikit. Di **Pakistan**, KDNK benar dijangka tumbuh pada kadar 6% pada tahun 1996 (1995: 4.5%) berikutan peningkatan prestasi sektor pertanian, perlombongan dan pembinaan. **Bangladesh** juga dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.8% pada tahun 1996 (1995: 4.5%) diterajui oleh eksport dan kestabilan politik yang menggalakkan aliran masuk pelaburan asing langsung.


**Amerika Latin** melonjak semula setelah diselubungi kelembapan berikutan krisis Mexico pada tahun 1995. Pertumbuhan pada tahun 1996 dijangka mencapai 3% setelah mengalami pertumbuhan yang kecil sebanyak 0.3% pada tahun 1995. Kesan yang ketara ke atas pertumbuhan ini terbit daripada eksport yang tinggi walaupun harga eksport dijangka agak rendah bagi beberapa produk, pemulihan aliran modal asing dan kejayaan usaha-usaha penyesuaian. Faktor luaran juga menyumbang kepada pertumbuhan Amerika Latin. Ekonomi rantau ini terikat dengan pusingan kadar faedah di AS dan sekiranya pertumbuhan AS melebihi trend, pertumbuhan eksport akan menjadi kuat. Namun begitu, pertumbuhan yang dijangkakan ini tidak mencukupi untuk mengurangkan pengangguran yang telah mencapai paras tertinggi dalam dekad ini pada tahun 1995.



Kebergantungan rantau ini kepada pasaran modal dunia, terutamanya dari AS, prospek ekonomi Amerika Latin untuk keseluruhan tahun 1996 bergantung besar kepada kadar pertukaran di AS sebelum penghujung tahun 1996. Di **Mexico**, dasar kewangan dan fiskal yang ketat telah membawa perubahan yang besar kepada ekonomi pada tahun 1995, keyakinan pelabur dan pengguna semakin pulih dan menolong menstabilkan pasaran kewangan. Aktiviti ekonomi dijangka pulih pada tahun 1996 dan KDNK benar diramal tumbuh sebanyak 3.6% (1995: -6.9%). Ekonomi **Argentina**, dijangka bertukar haluan kepada positif pada suku kedua 1996 dan mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 2.5% (1995: -4.4%) diterajui oleh eksport dan pelaburan yang bermula pada separuh kedua 1996, sementara permintaan dalam negeri dijangka kukuh berikutan peningkatan keyakinan pengguna. Walau bagaimanapun, pemulihan sepenuhnya dijangka perlahan kerana komitmen tegas kerajaan terhadap Rancangan Pertukaran (di mana peso Argentina disandarkan kepada dolar AS) dan ketidaktentuan pasaran eksport di AS dan Brazil. Di **Chile**, dasar berorientasikan pasaran yang baik, terus menggalakkan pertumbuhan yang mampan, walaupun pada tahap yang lebih perlahan sebanyak 7.5% pada tahun 1996 (1995: 8.5%). Pelaburan dalam negeri yang kukuh hasil dari dasar kewangan yang longgar bersama-sama dengan andaian positif terhadap eksport barangan perkilangan dan pemulihan aliran masuk modal dijangka mengekalkan pertumbuhan ekonomi Chile.

Pertumbuhan ekonomi **Timur Tengah** dijangka pulih berikutan perkembangan aktiviti ekonomi yang dialami oleh beberapa negara. Walau bagaimanapun, defisit kerajaan yang besar dan turun naiknya harga minyak mengaburkan prospek bagi beberapa negara pengeluar minyak. Pengeluaran di rantau ini secara keseluruhannya dijangka meningkat sedikit kepada 3.3% pada tahun 1996 (1995: 2.7%). **Turki** terus mengamalkan dasar fiskal yang ketat dan pertumbuhan dijangka turun kepada 4.8% pada tahun 1996 (1995: 7.5%). **Republik Islam Iran** dan **Arab Saudi**, dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 4.2% dan 0.7% (1995: 3% and -0.8%) didorong oleh dasar fiskal yang masih ketat, kawalan ke atas import, dan eksport barangan bukan minyak yang lebih perlahan.

Pertumbuhan ekonomi di **Afrika** dijangka kukuh pada tahun 1996 dengan KDNK benar bagi benua tersebut dijangka semakin baik pada tahap 5.4% (1995: 3%). Pencapaian ini merupakan satu hasil yang positif dari perubahan struktur dan program



penstabilan, penurunan kadar inflasi, penglibatan sektor swasta yang semakin bertambah, liberalisasi perdagangan dan sistem pertukaran, dan kadar pertukaran yang lebih realistik. Aktiviti ekonomi di **Afrika Selatan** dijangka terus berkembang pada tahun 1996, dipacu oleh pertumbuhan eksport yang kuat dan pelaburan swasta. KDNK benar dijangka tumbuh sebanyak 4% pada tahun 1996 (1995: 3.5%). Pelaksanaan dasar-dasar yang berhemat dan perubahan struktur secara mendalam menjadikan pertumbuhan ekonomi **Kenya** kekal pada paras yang sama seperti tahun 1995 iaitu 5%, sementara pertumbuhan di **Algeria** juga dijangka dapat dikekalkan pada 4.2% (1995: 4.3%).

### Inflasi

Kadar inflasi di Asia Selatan, Amerika Latin, Afrika dan Timur Tengah sebagai satu kumpulan dijangka bertambah baik pada kadar 13.5% pada tahun 1996 (1995: 20.3%). Kadar inflasi dijangka



**Jadual 3.4**

**Negara-negara membangun: Pengeluaran,  
Inflasi dan Imbangan Akaun Semasa**

|                         | 1995           |                          |                                    | 1996 <sup>a</sup> |                          |                                    | 1997 <sup>u</sup> |                          |                                    |
|-------------------------|----------------|--------------------------|------------------------------------|-------------------|--------------------------|------------------------------------|-------------------|--------------------------|------------------------------------|
|                         | KDNK Benar (%) | Inflasi <sup>1</sup> (%) | Imbangan Akaun Semasa <sup>2</sup> | KDNK Benar (%)    | Inflasi <sup>1</sup> (%) | Imbangan Akaun Semasa <sup>2</sup> | KDNK Benar (%)    | Inflasi <sup>1</sup> (%) | Imbangan Akaun Semasa <sup>2</sup> |
| Negara-negara membangun | 5.8            | 20.3                     | -91.0                              | 6.0               | 13.5                     | -119.1                             | 6.2               | 11.1                     | -133.2                             |
| Mengikut rantau         |                |                          |                                    |                   |                          |                                    |                   |                          |                                    |
| Afrika                  | 3.5            | 32.1                     | -15.9                              | 5.4               | 21.7                     | -16.4                              | 5.0               | 9.3                      | -16.1                              |
| Asia                    | 8.4            | 10.9                     | -29.3                              | 7.7               | 8.1                      | -51.2                              | 7.6               | 7.9                      | -58.0                              |
| Amerika Latin           | 0.3            | 37.9                     | -33.4                              | 3.0               | 20.4                     | -38.8                              | 4.0               | 12.9                     | -43.3                              |
| Timur Tengah            | 2.7            | 32.6                     | -12.4                              | 3.3               | 26.2                     | -12.7                              | 3.3               | 27.4                     | -15.8                              |

<sup>1</sup> Harga-harga pengguna-purata diwajarkan

<sup>2</sup> AS\$ bilion

<sup>a</sup> Anggaran

<sup>u</sup> Unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1996.

lebih rendah di Asia Selatan iaitu lebih kurang 8% pada tahun 1996 (1995: 9%). Inflasi di Amerika Latin juga dijangka berkurangan berikutan pelaksanaan dasar kewangan dan fiskal yang ketat. Kadar inflasi di Amerika Latin sebagai satu kumpulan dijangka turun kepada 20.4% pada tahun 1996 (1995: 37.9%) dengan Mexico (34.1%), Argentina (0.6%), Brazil (12.3%), dan Chile (7.6%). Sebaliknya, Venezuela dijangka terus mengalami kadar inflasi yang tinggi sebanyak 94.4% pada tahun 1996 (1995: 60%).

Inflasi di Afrika dijangka terus turun untuk tahun ketiga berturut-turut kepada 21.7% pada tahun 1996 (1995: 32.1%). Kemajuan yang memberansangkan ini disebabkan oleh dasar kewangan yang ketat dan pemulihan yang ketara pada harga barangan eksport, terutamanya kopi. Inflasi di Algeria dijangka turun kepada 16.9% pada tahun 1996 (1995: 29.8%) disebabkan oleh pengurusan permintaan yang ketat dan kekangan

upah yang kuat. Walaupun nilai rand merosot dan defisit fiskal berkurangan, tekanan inflasi terus membimbangkan di Afrika Selatan. Keadaan dasar kewangan yang ketat dijangka dapat membendung inflasi pada paras 7.5% pada tahun 1996 (1995: 8.7%). Inflasi di kebanyakan negara Timur Tengah juga dijangka turun mencerminkan dasar kewangan yang berhemat dan pembaharuan ekonomi yang berterusan. Walau bagaimanapun, kadar purata inflasi di negara-negara Timur Tengah terus mencatat kadar tertinggi berbanding dengan rantau-rantau yang lain sebanyak 26.2% pada tahun 1996 (1995: 32.6%).

**Perdagangan dan Imbangan Pembayaran**

Prestasi perdagangan kumpulan negara-negara membangun secara keseluruhan dijangka lemah kerana kelembapan ekonomi di negara-negara



## RENCANA 2

### Globalisasi dan Negara-negara Membangun

#### Pengenalan

Sejak dua dekad kebelakangan ini perubahan-perubahan ketara yang berlaku dalam corak pengeluaran, kepesatan penyerapan pengetahuan dan maklumat dan dalam penumpuan faktor-faktor pasaran telah kesemuanya mengubahsuai corak ekonomi dunia. Perubahan-perubahan ini, yang lazimnya digelar sebagai proses berkembar **liberalisasi** dan **globalisasi** telah dengan berasingan dan bersama-sama mempengaruhi perhubungan antara negara-negara dan masyarakat. Kesan daripada proses-proses ini belum dapat dipastikan tetapi jelas bahawa kedua-dua proses ini mempunyai implikasi besar kepada kerajaan-kerajaan, sektor perniagaan dan kepada masyarakat. Proses globalisasi bersifat pertumbuhan perdagangan antarabangsa dan aliran modal yang pesat, komponen perkhidmatan yang meningkat dalam perdagangan, proses pengeluaran secara global dan juga kesediaan negara-negara untuk bekerjasama samada dalam konteks liberalisasi pelbagaihalah mahupun serantau. Globalisasi selalunya dianggap sebagai proses yang mempunyai dimensi ekonomi sahaja, tetapi hakikatnya globalisasi juga merupakan proses meningkatkan pergantungan sesama kita, dan tekatan antara manusia, nilai dan idea-idea yang melangkaui sempadan nasional. Kemudahan satelit, komunikasi dan komputer, dan kini Internet menghapuskan perbezaan masa dan ruang dan sekaligus menyatukan seluruh dunia.

Akan tetapi, proses liberalisasi dan globalisasi di antara negara-negara dan benua telah bergerak pada kadar kelajuan dan tahap yang berlainan. Di kalangan negara membangun, hanya sebilangan kecil negara-negara di Asia dan Amerika Latin telah dapat mengintegrasikan dengan jayanya dalam ekonomi dunia sejak lewat 1970an. Kejayaan-kejayaan awal strategi pembangunan berorientasikan eksport yang dicapai oleh ekonomi-ekonomi perindustrian baru (NIEs) jelas membuktikan kejayaan kombinasi bijak liberalisasi perdagangan dan regim pelaburan yang dilakukan secara unilateral, reformasi struktur dan pengwujudan peluang-peluang pasaran lebih luas yang didorong oleh proses liberalisasi perdagangan dunia dan globalisasi pengeluaran dan kewangan. Meski pun begitu, setakat ini sejarah kejayaan

kedua-dua liberalisasi dan globalisasi menunjukkan tahap pencapaian yang tidak serata. Integrasi proses-proses pengeluaran secara global, dasar ekonomi pasaran yang semakin dominan dan peringkat kerjasama yang lebih tinggi antara negara-negara telah menjurus kepada pergantungan ekonomi antara negara, yang mana dari beberapa segi, kesemuanya mempunyai pengaruh yang positif ke atas ekonomi-ekonomi ini. Walau bagaimanapun, kesan positif tersebut perlu diimbangi dengan hakisan ke atas keupayaan para penggubal dasar untuk mencapai objektif-objektif kebangsaan melalui penggunaan atau penggalakan instrumen-instrumen dasar yang ada, kerana sekarang ini, perkembangan yang berlaku di luar negara mempunyai pengaruh besar ke atas ekonomi dan masyarakat sesebuah negara lain. Oleh itu, pada masa akan datang, apabila negara-negara membangun semakin mendekati proses globalisasi dunia, dijangka pihak-pihak berkuasa akan lebih berhati-hati mengawasi kesan dan impak fenomena globalisasi ini, khususnya pengaruh proses ini ke atas isu-isu pembangunan mampan, kemakmuran dan pembahagian kekayaan. Ini adalah penting memandangkan sesetengah aspek liberalisasi dan globalisasi telah membawa kesan negatif ke atas ekonomi nasional dan masyarakat.

#### Peluang-Peluang Dalam Dunia Yang Semakin Global

Ekonomi dunia yang melalui proses globalisasi memungkinkan peluang-peluang yang baik dan secara langsung menambah momentum kepada proses pembangunan. Sebagai contoh, dalam aspek perdagangan, pertumbuhan perdagangan dunia dijangka memberangsangkan dalam dekad akan datang berikutan peluang-peluang baru yang telah diwujudkan berikutan penyelesaian rundingan Pusingan Uruguay (UR). Sistem pelbagaihalah telah diperkuatkan dengan peraturan-peraturan yang termaktub dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), dan dengan itu ruang pasaran dunia berpotensi untuk ditingkatkan. Peluang-peluang perdagangan akan juga muncul dengan kemasukan sektor-sektor "baru" seperti tekstil, pakaian, perkhidmatan dan pertanian. Dari segi teori, pengantarabangsaan bidang perkhidmatan bersamaan liberalisasi perdagangan perkhidmatan contohnya, dijangka dapat memperbaiki keupayaan negara-negara membangun untuk membangunkan perkhidmatan pengeluaran yang efisien untuk mendapatkan pasaran-pasaran tertentu yang sesuai. Di sebilangan negara-negara membangun tertentu, globalisasi sektor kewangan dan



peningkatan mendadak aliran modal sejak 1992 telah menambah sumber-sumber yang tersedia kepada firma-firma mereka. Salah satu komponen aliran ini, iaitu pelaburan asing langsung (FDI) sedang dan akan terus wujud pada masa jangka panjang sebagai sumber penting untuk pengindustrian negara-negara membangun. Berkait rapat dengan FDI ialah kesan pembangunan yang disebabkan oleh globalisasi pengeluaran. Sejak tahun 1970an negara-negara membangun telah menggalakkan penglibatan syarikat-syarikat transnasional (TNC) dalam proses perindustrian ekonomi mereka. Syarikat-syarikat TNC pula telah menonjolkan penglibatan mereka di negara-negara membangun dalam membantu mengukuhkan kapasiti teknologi dan kebolehan sumber manusia yang dianggap sebagai kunci kepada pembangunan ekonomi. Banyak negara membangun telah berjaya menggabungkan aset-aset TNC termasuk P&P, dengan sumber-sumber negara itu sendiri - lokasi, tenaga kerja dan sumber asli seterusnya menghasilkan pekerjaan dan pengwujudan pasaran-pasaran baru dan dengan itu merangsangkan pertumbuhan ekonomi.

#### **Cabaran-Cabaran kepada Pembangunan**

Di sebalik kelebihan-kelebihan ini, peningkatan globalisasi pengeluaran dan kewangan telah banyak menimbulkan cabaran-cabaran yang sukar dan membawa kesan-kesan negatif kepada negara-negara membangun. Jika dikira dari segi UR, masih banyak negara membangun yang masih mengalami masalah untuk mengubah komitmen pembukaan pasaran yang dibuat oleh negara-negara maju kepada peluang komersial. Masalah tersebut ditokok pula dengan isu peruntukan-peruntukan dalam perjanjian-perjanjian tertentu yang tidak jelas dari segi interpretasi yang memungkinkan penyalahgunaan termasuk memberi ruang yang secukupnya untuk pendekatan kreatif dan mendirikan semula sekatan-sekatan perlindungan. Malahan semenjak berkuatkuasanya WTO pada awal 1995, banyak komitmen yang dijanjikan oleh negara-negara perdagangan utama telah ditarik balik, di samping terdapat percubaan untuk mengaitkan perdagangan dengan isu-isu bukan perdagangan sebagai muslihat menghalang eksport negara-negara membangun.

Bagi kebanyakan negara-negara membangun liberalisasi regim pelaburan asing langsung terbukti menjadi serampang dua mata. Kesan buruk globalisasi pengeluaran tampak jelas sekiranya kita ambil contoh tingkah laku syarikat-syarikat TNC. Bagi syarikat-syarikat TNC, kelebihan khusus

yang terdapat pada sesebuah negara sebagai destinasi pelaburan asing langsung kini tidak penting lagi memandangkan proses pengeluaran melibatkan negara-negara yang berlainan. Oleh itu, projek pelaburan yang disasarkan hanya untuk pasaran dalam negeri tidak lagi menarik. Dalam proses pengeluaran untuk pasaran dunia, keputusan pelaburan asing langsung akan dibuat berdasarkan faktor-faktor tradisi seperti buruh dan bahan mentah. Pelaburan mudah dipindah-pindah memandangkan persaingan akan terbit dari lokasi yang kosnya lebih rendah. Dalam persekitaran pengeluaran global, keputusan pelaburan adalah berdasarkan kos relatif untuk setiap tahap proses pengeluaran dan memandangkan kilang-kilang mudah dipindahkan melangkah sempadan negara atau dibina cepat di lokasi lain, peranan negara tuan rumah atau penglibatan firma-firma tempatan amatlah minima. Tanpa campurtangan langsung atau langkah-langkah bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kemahiran, memperbaiki sokongan infrastruktur dan memperkemaskan pakej insentif dan tanpa perhubungan yang kuat dengan pembekal tempatan, negara-negara tuan rumah akan mengalami kesusahan untuk meningkat nilai kandungan dalam eksport mereka di industri yang dikuasai oleh firma asing.

Dalam pada itu, apabila firma negara-negara maju menyedari bahawa pengeluaran melangkaui sempadan penting untuk menjamin persaingan dan keuntungan, mereka meningkatkan tekanan ke atas kerajaan mereka untuk mewujudkan suasana yang membolehkan mereka beroperasi merata dunia. Desakan ini tidak hanya melibatkan liberalisasi perdagangan antarabangsa tetapi juga melibatkan kebebasan untuk memasuki mana-mana pasaran, hak mendirikan perniagaan dan hak layanan negara, termasuklah kebebasan membawa masuk-keluar wang antarabangsa, deregulasi dan penswastaan. Desakan ini jelas akhir-akhir ini dengan munculnya seruan negara-negara maju supaya diperkenalkan peraturan pelbagaihal dalam WTO untuk melindungi pelaburan asing langsung. Satu lagi kesan negatif akibat proses globalisasi terhadap pembangunan adalah kehilangan autonomi dasar dalam sesetengah bidang pada peringkat negara yang boleh menyebabkan skop pembangunan diubahkan ataupun dihalang. Ekonomi-ekonomi Asia Timur sekali lagi boleh diambil sebagai contoh. Strategi liberalisasi ekonomi yang dilaksanakan oleh negara-negara ini pada tahun-tahun 1970an-1990an mempunyai penglibatan luas pihak kerajaan yang bukan sahaja memberi sokongan kepada strategi ini, malahan kadangkala mempengaruhi proses



pasaran, terutamanya dengan menggalakkan pertumbuhan pengumpulan modal dan kemajuan pesat teknologi yang berkaitan dengan eksport. Tetapi berikutan peraturan pelbagai hal yang lebih ketat selepas UR, peluang untuk menggunakan dasar-dasar yang pada satu ketika tersedia kepada negara-negara membangun Asia Timur tidak boleh digunakan lagi oleh negara-negara membangun baru muncul dan negara-negara peralihan yang ingin maju ke depan. Ini disebabkan dasar industri seperti subsidi eksport, keperluan pelaksanaan pelaburan dan perlesenan wajib yang digunakan dengan jayanya oleh ekonomi-ekonomi Asia Timur untuk meningkatkan persaingan dalam industri dan eksport mereka perlu dimansuhkan.

Keupayaan menjalankan dasar kewangan yang bebas juga semakin menjadi sulit dengan globalisasi pasaran kewangan berikutan keterbukaan dan pemansuhan halangan-halangan kepada pengaliran modal. Mobiliti yang tinggi bagi modal seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan mendadak aliran modal jangka pendek baru-baru ini telah mengurangkan keupayaan pihak berkuasa untuk mempengaruhi objektif seperti volume pengeluaran, bilangan pekerjaan dan kadar inflasi. Seperti yang telah terbukti di ekonomi beberapa negara-negara membangun beberapa tahun ini, tidak mungkin lagi memisahkan kadar faedah dalam negara daripada kadar faedah luar negara tanpa mencetus keluar-masuk aliran modal yang besar jumlahnya mahu pun turun-naik nilai matawang yang ketara. Kebelakangan ini, pembuat-pembuat dasar di seluruh Asia dan Amerika Latin bukan hanya terpaksa berdepan dengan peningkatan mendadak aliran modal jangka pendek tetapi juga kemaruhan yang berlaku akibat perubahan dalam sentimen pelabur asing.

### **Kes Khas Negara-negara Membangun Termiskin**

Setengah negara-negara membangun, terutama negara-negara membangun termiskin dan negara-negara yang mengalami struktur ekonomi lemah seperti di benua Afrika, telah lama berada di luar proses globalisasi, tidak berupaya meraih kelebihan dan mengambil bahagian yang bermakna dalam proses globalisasi. Fenomena kepinggiran negara-negara ini ialah akibat kombinasi perkembangan-perkembangan dalam ekonomi dunia yang mungkin tidak berpihak kepada negara-negara membangun termiskin, atau pun berpunca daripada masalah dalam politik dan ekonomi. Kedua-dua faktor ini telah berinteraksi untuk menguatkan aspek kepinggiran negara-negara membangun termiskin ini.

Dari segi pembangunan ekonomi, negara-negara membangun termiskin sebagai sekumpulan tidak mempunyai prestasi yang baik, sungguhpun ada satu dua negara mencapai kemajuan yang ketara, bagi majoriti negara-negara ini, pembangunan ekonomi tersangat perlahan dan jika pun terdapat pertumbuhan, kadar perkembangan terlalu kecil dan dengan itu gagal menampung peningkatan saiz penduduk yang pesat yang akhirnya menyebabkan pendapatan per kapita dan taraf kehidupan semakin berkurangan disamping taraf kemiskinan yang kian meningkat. Peminggiran sebilangan besar negara-negara membangun termiskin daripada kemajuan yang sedang berlaku dalam ekonomi dunia jelas terbukti dalam beberapa-petunjuk ekonomi dan sosial. Sejak tahun 1970an, bukan sahaja kadar pertumbuhan negara-negara membangun termiskin jauh ketinggalan, akan tetapi negara-negara ini hanya dapat menarik sebahagian kecil sahaja dari jumlah pelaburan asing langsung dunia dan nilai kadar pelaburan negara-negara ini sebagai peratusan KDNK kurang dari kadar purata negara-negara membangun keseluruhannya.

Negara-negara kurang membangun juga mencapai pembaharuan struktur yang minimal dan terlalu bergantung kepada komoditi utama untuk pendapatan eksport dan kepada Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) untuk membiayai keperluan pelaburan mereka. Walau bagaimanapun, trend baru dalam liberalisasi dan globalisasi boleh membantu mengintegrasikan negara-negara membangun termiskin ke dalam ekonomi dunia. Negara-negara membangun termiskin perlu berusaha sendiri untuk mengelakkan kejadian-kejadian negatif yang disebutkan tadi. Malahan beberapa negara membangun termiskin telah mula melaksanakan pembaharuan dalam ekonomi mereka tetapi usaha yang lebih gigih diperlukan. Kualiti dan corak dasar dalam negeri sangat penting untuk memastikan negara-negara membangun termiskin dapat menyesuaikan ekonomi dengan tuntutan perubahan ekonomi dunia. Dalam hal ini, peningkatan kadar upah di negara-negara perindustrian baru memungkinkan industri pembuatan berintensifkan buruh berpindah ke negara-negara membangun termiskin untuk mengambil kesempatan kos buruh yang lebih rendah. Ini akan merangsangkan usaha-usaha ke arah mempelbagaikan eksport negara-negara membangun termiskin. Dalam melaksanakan usaha penyesuaian, negara-negara membangun termiskin memerlukan sokongan masyarakat



antarabangsa termasuk sokongan untuk pembiayaan berbentuk konsesi bertujuan membiayai pelaburan yang diperlukan dalam bidang infrastruktur dan sosial, termasuklah sokongan untuk imbalan pembayaran dan belanjawan supaya melicinkan lagi pelaksanaan program-program pembaharuan ekonomi. Bantuan teknikal untuk meningkatkan kapasiti bagi pembentukan dasar dan pelaksanaan di negara-negara membangun termiskin juga tidak kurang pentingnya. Sokongan masyarakat dunia yang lebih kukuh terhadap inisiatif terbaru mengurangkan hutang anjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia merupakan langkah yang penting ke arah membantu negara-negara pendapatan rendah keluar dari cengkaman hutang. Tidak kurang penting adalah usaha untuk memastikan bahawa kemasukan eksport dari negara-negara membangun termiskin tidak dihalang oleh perlindungan. Pertumbuhan perjanjian-perjanjian perdagangan serantau yang merangkumi negara-negara perindustrian terutamanya hendaklah tidak mengurangkan kepentingan perdagangan negara-negara membangun termiskin tersebut.

## Penutup

Proses liberalisasi dan globalisasi menawarkan negara-negara membangun peluang-peluang yang penting untuk memastikan pembangunan yang mampan terus diterajui oleh aliran pelaburan dan pasaran dunia yang kian mengembang. Bagi negara-negara membangun termiskin, kedua-dua proses kembar ini boleh memberi peluang yang sama dan seterusnya mematahkan kemerosotan ekonomi yang dialami selama dua dekad. Pada masa yang sama proses-proses ini juga menimbulkan kebimbangan yang serius berhubung potensi gangguan akibat peningkatan rapat antara perdagangan, kewangan modal dan pelaburan. Sebilangan besar negara-negara membangun yang berjaya mengintegrasikan dalam ekonomi dunia telah merasai kesulitan-kesulitan ini dan sedar bahawa ketangkasan adalah diperlukan dalam pembentukan dasar untuk mengelakkan kesan-kesan yang negatif. Kerjasama rapat antara masyarakat antarabangsa perlu ditingkatkan sebagai sebahagian daripada strategi antarabangsa untuk menggalakkan pembangunan mampan dan integrasi negara-negara membangun dalam ekonomi dunia supaya mereka juga dapat sama menikmati kelebihan hasil daripada proses globalisasi.

rakan dagangan utama. Walau bagaimanapun, aliran modal ke negara-negara ini dijangka besar, walaupun ada tanda-tanda ekonomi menjadi terlalu pesat dan akaun luar negara semakin teruk disebabkan tekanan permintaan yang berlebihan. Pada tahun 1996, pertumbuhan eksport Asia Selatan, Amerika Latin, Afrika dan Timur Tengah sebagai satu kumpulan dijangka berkurangan kepada 7.6% (1995: 14.6%). Import juga dijangka mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan tetapi masih lebih tinggi daripada eksport. Pertumbuhan import dijangka mencatat 8.1% pada tahun 1996 (1995: 14.2%) dengan Amerika Latin dijangka mengekalkan tahap pada tahun 1995 iaitu 9.7%, Asia Selatan (8.1%), Afrika (7.5%), dan Timur Tengah (7%). Defisit akaun semasa dijangka meningkat pada tahun 1996 mencerminkan pertumbuhan permintaan dalam negeri dan aliran masuk modal yang besar. Defisit akaun semasa Amerika Latin dijangka naik sedikit kepada 1.7% daripada KNK (1995: 1.6% daripada KNK). Chile pula diramal mencatat defisit akaun semasa sebanyak 3.8% daripada KNK pada tahun 1996

daripada lebih sebanyak 0.2% daripada KDNK pada tahun 1995, sementara di Argentina, defisit akaun semasa dijangka kekal antara 1.5%-2% daripada KNK. Afrika dan Timur Tengah dijangka mengalami sedikit pengembangan defisit akaun semasa sebanyak AS\$16.4 bilion dan AS\$12.7 bilion pada tahun 1996 atau 13.5% daripada KNK dan 5.2% daripada KNK (1995: -AS\$15.9 bilion dan -AS\$12.4 bilion).

## Prospek Bagi Tahun 1997

Ekonomi dunia diramal berkembang lebih mantap pada tahun 1997 sebanyak 4.1%, lebih tinggi daripada 3.8% yang dijangkakan pada tahun 1996, di mana pertumbuhan akan terus kekal atau pun bertambah kukuh di semua rantau. Berlatarbelakangkan perdagangan dunia dan pelaburan yang dijangka terus tumbuh pada kadar semasa dan ramalan bahawa inflasi dapat dibendung pada paras lebih sederhana, prospek ekonomi dunia dianggap lebih optimistik dan



mampan dan dengan itu, meluaskan lagi potensi negara-negara maju dan membangun meraih faedah daripada peluang-peluang yang disediakan oleh globalisasi dan liberalisasi.

Pertumbuhan di **negara-negara perindustrian** secara keseluruhan dijangka semakin baik dengan pengeluaran mencapai lebih kurang 2.5%, walaupun pertumbuhan di AS merosot sedikit. Ini adalah kerana pemulihan ekonomi Jepun akan lebih selesa, sementara pertumbuhan di Eropah Barat diramal semakin kukuh sehingga mencapai 2.5%, hasil kelonggaran kewangan pada tahun 1995-96. Di **AS**, pengeluaran dijangka merosot sedikit kepada 2.3%, berikutan kenaikan kadar faedah jangka panjang dan kemungkinan kenaikan kadar faedah jangka pendek pada penghujung tahun 1996 atau awal tahun 1997. Inflasi dijangka kekal di bawah paras 3% disebabkan kadar kenaikan upah yang perlahan dan pertambahan secara berterusan daya pengeluaran. Di **Jepun**, perkembangan yang bermula pada tahun 1996 diramal berterusan pada tahun 1997 kesan kelonggaran sistem kewangan yang mula bertapak di semua sektor ekonomi. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pengguna akan berkurangan kerana pemansuhan potongan cukai pendapatan perseorangan dan kenaikan cukai penggunaan. KDNK dijangka tumbuh sebanyak 2.7% pada tahun 1997.

Permintaan dalam negeri **Jerman** dijangka pulih pada tahun 1997 mendorong pertumbuhan yang lebih kukuh kepada 2.4%. Pengangguran dijangka merosot, tetapi tidak kurang daripada kadar 10% disebabkan masih wujudnya ketegangan struktural dalam pasaran buruh. Di **UK**, pertumbuhan penggunaan swasta diramal akan berterusan sekiranya kadar faedah rendah dan cukai dikurangkan. Keadaan ekonomi antarabangsa yang semakin baik dijangka menggalakkan pertumbuhan eksport UK. KDNK dijangka meningkat sedikit melebihi tahap potensi kepada 3% pada tahun 1997. Kadar Pengangguran dijangka untuk terus menurun kepada 7.7%. Inflasi dijangka turun di bawah paras 2.5%, walaupun terdapat tanda-tanda risiko di pasaran buruh. Prospek yang baik di **Jerman** dan keadaan kewangan yang longgar sejak pertengahan tahun 1996 dijangka mempengaruhi perkembangan aktiviti ekonomi **Perancis**. Pertumbuhan KDNK benar dijangka meningkat kepada 2.4% pada tahun 1997.

Pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN sebagai satu kumpulan dijangka kekal sama seperti tahun 1996 oleh kerana dasar kewangan akan terus diketatkan untuk membendung tekanan harga. Pertumbuhan didorong oleh eksport yang semakin pulih, kadar pelaburan yang tinggi dan permintaan dalam negeri. Inflasi dijangka berkurangan kepada 4.6% pada tahun 1997. Pertumbuhan KDNK benar **Brunei** dijangka kekal pada paras 1996 iaitu sebanyak 3% disebabkan permintaan kukuh yang dipacu oleh pelaburan awam dan penggunaan swasta. Inflasi dibendung pada paras di bawah 3%. Ekonomi **Indonesia** diramal terus tumbuh pada haluan yang sama tahun 1996, iaitu sekitar 7.9% didorong oleh pertumbuhan eksport yang tinggi, kadar penggunaan swasta yang kuat dan kadar pelaburan yang tinggi. Inflasi akan dapat dibendung sekitar 8% oleh kerana pelaksanaan dasar kewangan yang ketat oleh Bank Indonesia. Defisit akaun semasa dijangka berkurangan kepada US\$7 bilion pada tahun 1997 disebabkan pengawalan import seperti penilaian semula struktur cukai import barangan mewah dan juga langkah untuk menggalakkan daya saing eksport barangan bukan minyak. Ekonomi **Malaysia** diramalkan berkembang pada kadar yang lebih mampan iaitu 8%. Kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran pula dijangka bertambah baik dengan defisit yang kecil. **Filipina** dijangka mengekalkan proses penstabilan fiskal dan pakej liberalisasi ekonomi yang bakal mempengaruhi pertumbuhan KDNK sebanyak 6.2% dengan inflasi dibendung pada paras 6.2%. Pertumbuhan yang tinggi adalah disebabkan oleh eksport yang kuat dan perkembangan pelaburan yang pesat. Pengeluaran pertanian juga dijangka semakin pulih. **Singapura** diramal mengalami pertumbuhan yang mampan sebanyak 7.5% pada tahun 1997. Selain daripada kedudukan eksport yang semakin pulih, pelaburan akan terus tinggi pada paras tahun 1996, sementara sektor kewangan dan perniagaan menunjukkan kemajuan yang pesat. Inflasi Singapura diramal pada paras 2.5% pada tahun 1997 dengan andaian bahawa nilai dolar Singapura dijangka terus meningkat berbanding matawang ASEAN yang lain. Pertumbuhan ekonomi **Thailand** pula dijangka kekal pada paras yang diunjurkan dalam Pelan Induk Lima Tahun iaitu sebanyak 8%, hasil daripada pemulihan eksport, pelaburan asing yang kuat dan perkembangan sektor pembinaan dengan pembangunan semula kawasan-kawasan yang



dilanda banjir. Defisit akaun semasa dijangka bertambah besar sedikit kepada 7%-8% daripada KNK. Di **Vietnam**, eksport yang kuat dan pelaburan modal yang memecut dijangka menjana pertumbuhan yang tinggi melebihi 10%.

**Negara-negara Asia Timur Laut** sebagai satu kumpulan dijangka terus mengalami pertumbuhan yang tinggi sebanyak 7.1% pada tahun 1997. Kebanyakan negara dijangka meneruskan dasar kewangan dan fiskal yang ketat untuk mengurangkan tekanan permintaan. Kadar purata inflasi di rantau ini dijangka dapat dibendung pada paras 5.9% pada tahun 1997. China dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 9% berikutan usaha kerajaan untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dan mengurangkan inflasi kepada satu digit didorong oleh aktiviti pembinaan yang memberansangkan dan pelaburan yang tinggi di sektor perindustrian bukan kerajaan. Ekonomi Taiwan dijangka perlahan sekitar 5.5%-6%, dengan keyakinan perniagaan dan pengguna rendah sedikit sebelum dan selepas proses penyerahan Hong Kong kepada China. Pertumbuhan penggunaan swasta dijangka lebih rendah daripada kadar yang dijangka pada tahun 1996. Pertumbuhan pembentukan modal tetap dijangka kekal tinggi kerana perbelanjaan awam yang tinggi dalam projek infrastruktur. Inflasi dijangka kekal rendah pada paras 3.7% pada tahun 1997 disebabkan oleh dolar Taiwan kukuh secara beransur-ansur, dan dapat mengawal inflasi import berikutan kelemahan nilai yen. Perkembangan ekonomi Korea dijangka perlahan pada tahun 1997 selaras dengan pelaburan yang beransur pulih dan pertumbuhan penggunaan swasta yang stabil pada paras 7%. Dengan dasar kewangan dan fiskal yang masih ketat, inflasi dijangka dapat dibendung sekitar 4.8%, rendah sedikit daripada paras pada tahun 1996. Walaupun terdapat ketidakpastian mengenai penyerahan Hong Kong kepada China pada tahun 1997, sentimen sektor perniagaan di Hong Kong terus optimis dan berhati-hati. Aktiviti ekonomi di Hong Kong dijangka stabil pada 5%, dengan inflasi dijangka tinggi sedikit pada paras 7.2%.

**Negara-negara membangun yang lain** merangkumi Asia Selatan, Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah sebagai satu kumpulan dijangka tumbuh sebanyak 4.5% dengan aliran masuk modal yang berterusan, terutamanya ke negara-negara Afrika dan Amerika Latin. Pertumbuhan ekonomi di Afrika diramal tumbuh sebanyak 5% dengan

penurunan kadar inflasi yang ketara kepada 9.3% berikutan kebanyakan negara di benua tersebut terus perlu menangani cabaran dasar yang dibawa oleh aliran masuk modal yang besar dan dasar kewangan yang ketat bersama-sama dengan perubahan struktural dan program penstabilan. Di Amerika Latin, di bawah pelaksanaan penyesuaian fiskal dan kewangan, pemulihan sedang berlaku terutamanya di Mexico dan Argentina. KDNK benar dijangka berkembang 4% pada tahun 1997 didahului oleh Argentina sebanyak 5.8%, Brazil (4.5%) dan Mexico (3.5%). Negara-negara Timur Tengah sebagai satu kumpulan dijangka mengekalkan pertumbuhan seperti tahun 1996 sebanyak 3.3% dengan inflasi rendah sedikit kepada 27.4%. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi negara-negara pengeksport minyak akan terus bergantung kepada perkembangan pasaran minyak. Sekiranya harga minyak jatuh pada tahun 1996, kadar syarat perdagangan negara-negara ini akan menjadi lebih buruk. Di Asia Selatan, India dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 6.2% pada tahun 1997, sementara inflasi dibendung pada paras 10%. Pertumbuhan yang tinggi sedikit ini didorong oleh penggunaan swasta yang tinggi hasil daripada kemasukan kredit pengguna yang lebih besar dan peluang pekerjaan yang lebih baik.

## Isu-isu Ekonomi Antarabangsa

Dasar-dasar makroekonomi dan struktural yang wajar dan dilengkapkan dengan pelaksanaan reformasi struktur secara berani dianggap penting dalam usaha negara-negara untuk menangani ketidakseimbangan ekonomi selain memastikan peruntukan sumber-sumber digunakan secara bijaksana dan berkesan. Tujuannya ialah supaya ekonomi menjadi lebih dinamik dan anjal. Krisis kewangan Mexico pada penghujung tahun 1994 telah menyedarkan masyarakat dunia bahawa ekonomi dunia sedang melalui perubahan fundamental dan dengan itu menuntut penyesuaian dan reformasi struktur ke atas semua negara samada negara-negara perindustrian, membangun mahupun negara-negara peralihan.

Di kalangan **negara-negara perindustrian**, pembaharuan pasaran buruh, penswastaan dan pengurangan subsidi akan terus menjadi agenda utama di Eropah, sementara di Jepun pula, kesedaran wujud bahawa ekonomi harus lebih



terbuka lagi dan peraturan-peraturan pasaran dalam negeri perlu dilonggarkan. Di hampir semua negara perindustrian, perkhidmatan kesihatan dan sistem pencen awam perlu rombak semula untuk memastikan kemampanan sistem-sistem tersebut dalam jangka masa yang panjang. Ini adalah kerana masalah struktural dan kelemahan makroekonomi yang lama bertapak di negara-negara perindustrian tertentu menghalang negara-negara tersebut daripada menikmati dan berkongsi penuh aliran pertumbuhan ekonomi dunia masa kini. Jelaslah negara-negara perindustrian ini memerlukan penyesuaian dan perubahan struktur sekiranya ingin mengecapi perubahan pesat yang berlaku dalam ekonomi dunia sekarang ini.

Berikutan krisis kewangan Mexico, terdapat spekulasi bahawa sebarang kegentingan yang mungkin melanda ekonomi dunia akan berpunca dari masalah yang sedang dihadapi oleh negara-negara Eropah dalam usaha mereka untuk memenuhi kriteria EMU. Kebanyakan negara anggota EU, termasuklah negara-negara yang dianggap sebagai teras kesatuan, menanggung beban **ketidakseimbangan fiskal** yang besar, dan banyak juga dikalangan negara anggota yang menghadapi kadar pengangguran yang tinggi berserta pertumbuhan yang sangat lemah. Negara-negara utama EU telah komited untuk mengekalkan defisit fiskal pada paras yang ditetapkan dalam Perjanjian Maastricht, iaitu sebanyak 3% daripada KDNK pada tahun 1997, yang merupakan tahun ujian untuk menentukan samada negara-negara anggota mencapai kriteria untuk menyertai peringkat ketiga dan terakhir EMU yang dijangka bermula pada tahun 1999. Kedudukan terkini ekonomi Jerman, UK dan beberapa negara kecil Eropah semakin baik, dan dengan sendirinya kelonggaran dasar fiskal dan kewangan tidak diperlukan untuk memacu pertumbuhan, negara-negara anggota yang lain sebaliknya terus berdepan dengan dilema prospek pertumbuhan ekonomi yang rendah. Dalam keadaan begini, dasar belanjawan yang ketat seolah-olah tidak selaras dengan usaha-usaha untuk memulihkan kelemahan aktiviti ekonomi. Pada masa yang sama, kegagalan anggota EU menyempurnakan usaha-usaha di bawah EMU boleh menjurus kepada kehilangan keyakinan di pasaran kewangan antarabangsa dan memungkinkan tercetusnya pergolakan aliran kewangan dan implikasi sampingan ke atas kadar faedah.

Usaha-usaha yang lebih gigih untuk mengukuhkan disiplin fiskal, terutamanya di kalangan negara-negara perindustrian yang kaya, menjadi lebih kritikal apabila diambilkira kedudukan jurang pembiayaan negara-negara G7-AS, Jepun, Jerman, Itali, UK, Kanada dan Perancis yang merupakan satu bebanan kepada pasaran modal dunia. Dengan menyerap sumber dunia, negara-negara G7, kecuali Jepun, bertukar peranan daripada penyumbang modal untuk negara-negara membangun yang berkembang untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka. Pengurusan fiskal yang berhemat menjadi lebih penting disebabkan globalisasi pasaran kewangan. Seperti yang berlaku di masa lalu, ketidakseimbangan fiskal yang berpanjangan di negara-negara perindustrian yang kaya telah menyebabkan pasaran pertukaran antabangsa bergelora dan kadar faedah yang meningkat tinggi.

Di kebanyakan negara-negara perindustrian terutamanya di Eropah, ketidakseimbangan fiskal yang besar berkait rapat dengan pasaran buruh yang tegar menyebabkan kenaikan kadar pengangguran struktural yang mendadak. Dianggarkan sebanyak 8-9 mata peratusan daripada kadar pengangguran EU masa kini iaitu 11% berpunca daripada pengangguran berbentuk struktural. Beberapa buah negara perindustrian penting telah memperkenalkan pembaharuan dalam pasaran buruh seperti mengurangkan pembayaran sekuriti sosial kepada penganggur, menetapkan kriteria kelayakan mendapat sekuriti tersebut, mengurangkan cukai ke atas pekerja dan membendung kenaikan upah minimum, tetapi reformasi ini dilaksanakan secara tidak sistemik dan dalam beberapa kes, faedah daripada kemajuan yang dicapai dalam pasaran buruh telah terbantut oleh ketidakseimbangan di sektor-sektor lain. Sesungguhnya, di Eropah, ketiadaan pembaharuan menyeluruh di pasaran buruh memungkinkan kadar pengangguran struktural dan kos fiskal dan sosial terus meningkat.

Kesan yang serius ke atas masalah pengangguran yang membelenggu kebanyakan negara perindustrian adalah tekanan secara langsung kepada kerajaan oleh pihak yang mempunyai kepentingan untuk mendapatkan perlindungan daripada import. Pertumbuhan perdagangan antarabangsa dan pelaburan, terutamanya import barangan perkilangan daripada



negara-negara membangun dipersalahkan sebagai punca pengangguran yang tinggi. Pihak yang mempunyai kepentingan ini telah mencadangkan penyelesaian seperti mengenakan piawaian buruh yang tinggi kepada negara-negara membangun dan halangan import seperti undang-undang alam sekitar dan hak asasi manusia. Pendekatan cetek yang diambil terhadap perdagangan antarabangsa ini telah membelakangkan semangat Rundingan Uruguay dan sudah tentu menghakis faedah globalisasi dan liberalisasi. Sungguhpun semua negara akan menerima akibat buruk pendekatan ini, kesan yang lebih bahaya ialah kepada negara-negara membangun dan peralihan kerana pendekatan ini akan menghalang strategi pembangunan mereka yang memerlukan pasaran negara-negara maju dibuka secukupnya untuk menampung pertambahan import mereka.

Sementara perkembangan perdagangan dan pelaburan beberapa tahun kebelakangan ini telah menyediakan peluang kepada sebilangan **negara-negara membangun**, banyak negara lain terus bertungkus-lumus menangani masalah ketidakseimbangan makroekonomi dan halangan struktural. Negara-negara membangun yang melaksanakan pembaharuan yang berani telah menerima ganjaran dengan mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan inflasi semakin rendah dan amnya terus membendung ketidakseimbangan fiskal. Di kebanyakan negara membangun, kemajuan terus dicapai dengan mengurangkan peranan kerajaan dalam beberapa bidang di mana sektor swasta adalah lebih efisien. Sektor awam lebih berperanan sebagai penggerak utama menggalakkan pembangunan sektor swasta dan kewangan awam menjurus kepada peningkatan pendidikan asas, kesihatan dan memperbaiki program membasmi kemiskinan, pada masa yang sama, meluaskan asas sistem pendapatan cukai dan memperbaiki pengurusan cukai. Secara berperingkat juga, negara-negara membangun sedang memperbaharui dan mengukuhkan sistem kewangan mereka sementara mendedahkan ekonomi mereka kepada faedah persaingan antarabangsa. Tetapi usaha-usaha yang gigih dan berterusan masih diperlukan terutamanya untuk membina institusi pasaran ekonomi.

Kejayaan negara-negara membangun memberi pengajaran penting kepada negara-negara yang mengalami kemajuan lebih terhad dan berada jauh dari segi tahap pendapatan relatif. Negara-

negara membangun yang miskin tidak berdaya menyesuaikan diri dengan cepat dan efektif dengan perubahan pesat ekonomi sejagat yang dibawa oleh asakan globalisasi dan liberalisasi. Sementara negara-negara membangun yang mempunyai **hutang** luar negeri yang tinggi perlu mara dengan dasar ekonomi makro yang baik, tidaklah munasabah mengharapkan negara-negara miskin ini supaya memenuhi tuntutan bayaran balik hutang yang besar dengan mudah sahaja. Untuk mengelakkan penyisihan yang disebabkan oleh beban hutang negara-negara berpendapatan rendah daripada masyarakat antarabangsa, masalah hutang yang tidak boleh ditampung lagi perlu diatasi. Dalam hal ini, persetujuan Jawatankuasa Sementara IMF dan Jawatankuasa Pembangunan Bank Dunia pada bulan Oktober 1996 mengenai Rancangan Mengurangkan Beban Hutang, akan membantu mencari jalan bagi negara-negara ini keluar dari belenggu hutang. Persetujuan Kelab Paris untuk memansuhkan hutang sehingga 80% bergantung kepada kes demi kes merupakan sumbangan yang penting kepada strategi menangani masalah beban hutang. Institusi-institusi kewangan berbilang hala dan penyumbang-penyumbang dua hala juga perlu digembeling supaya penyelesaian kepada isu hutang akan lebih mantap dan menyeluruh.

Di negara-negara pasaran baru muncul, peningkatan aliran modal yang mampan telah menimbulkan kebimbangan tentang risiko "overheating" dan defisit akaun semasa yang lebih besar. Peningkatan globalisasi pasaran modal menyebabkan aliran modal lebih sensitif kepada dasar-dasar ekonomi dan prospek sesebuah negara. Limpahan kesan yang cepat seperti yang berlaku selepas krisis kewangan Mexico telah menyedarkan kerajaan dan masyarakat kewangan antarabangsa tentang krisis kewangan yang boleh mempengaruhi jumlah dan kelajuan aliran modal antarabangsa. Masyarakat antarabangsa perlu ada sumber yang mencukupi dan tersedia untuk berdepan dengan keadaan kewangan antarabangsa yang mencemaskan. Pada masa yang sama, banyak negara telah menyedari betapa pentingnya persekitaran makroekonomi dan kewangan yang stabil, peranan utama maklumat ekonomi dan kewangan untuk mengenalpasti masalah di peringkat awal serta perubahan dasar yang perlu untuk mengelakkan kejutan serta tindakbalas pasaran modal antarabangsa yang tidak seimbang.



Berkait rapat dengan isu aliran modal ialah pentingnya negara-negara mempunyai sistem perbankan dan kewangan yang teguh. Kelemahan sektor kewangan dalam beberapa kes telah mengakibatkan pergolakan aliran modal, dan ini kerap kali menghadkan keupayaan kerajaan-kerajaan untuk meneruskan dasar mengawal kestabilan makroekonomi. Disebabkan sistem perbankan penting bagi kemantapan ekonomi, masalah-masalah perbankan yang timbul di beberapa negara memerlukan penyeliaan yang berhati-hati untuk memastikan risiko kecemasan tidak merebak. Untuk mengurangkan risiko itu dan meminimumkan kos semasa dan juga di masa hadapan amatlah perlu diadakan peraturan dan pengawasan hemat yang teliti, penilaian yang lebih cekap ke atas risiko kredit, syarat-syarat keperluan modal yang lebih tegas dan permakluman keadaan kewangan bank-bank dari masa ke semasa.

Beberapa tahun kebelakangan ini, negara-negara maju dan membangun telah mendapat faedah daripada pertumbuhan pesat perdagangan antarabangsa. Penamatan UR dua tahun yang lalu telah membawa faedah kepada kebanyakan rantau di dunia. Dengan menghalang tekanan dasar perlindungan dan mengekalkan pasaran terbuka, semua rakan dagangan mendapat faedah daripada integrasi perdagangan, kewangan dan pengeluaran dunia. Namun begitu, negara-negara perdagangan utama telah menyalahgunakan peruntukan-peruntukan WTO berkaitan dengan duti anti-lambakan dan timbalbalas, menafikan komitmen untuk membuka beberapa pasaran produk serta memberikan tafsiran yang salah kepada syarat-syarat Tempasal Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) dan dengan itu telah melemahkan prinsip perdagangan berbilang hala. Tindakan unilateral memaksa syarikat-syarikat asing dan individu-individu mematuhi larangan perdagangan yang dikenakan oleh AS ke atas Cuba, Iraq, Libya dan Iran merupakan antara contoh yang serius.

Disebabkan permasalahan-permasalahan ini, Mesyuarat Pertama Peringkat Menteri-Menteri WTO di Singapura (SMC) pada bulan Disember 1996 harus memberi tumpuan untuk memastikan Perjanjian UR dilaksanakan sepenuhnya dan semua negara anggota akur kepada komitmen yang telah mereka buat. Secara khususnya, SMC harus meneliti kos peralihan yang besar kepada negara-negara membangun disebabkan penghakisan keutamaan perdagangan dan juga nilai import makanan dan barang keperluan lain yang lebih tinggi. SMC tidak sepatutnya melancarkan sebarang inisiatif baru, tetapi harus dihadkan kepada penilaian semula program kerja yang telah dibuat semasa UR ditamatkan. Isu-isu baru seperti dasar persaingan, pelaburan, peraturan yang lebih ketat ke atas blok perdagangan serantau dan ke atas alam sekitar, dan yang lebih kontroversial, piawaian buruh dan rasuah, akan hanya membawa kepada pertembungan antara negara membangun dan maju di SMC. WTO harus berpegang teguh kepada isu-isu utama perdagangan dan meninggalkan isu-isu lain kepada kecekapan pertubuhan lain seperti Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO), Institusi-institusi Bretton Woods atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan agensi-agensinya seperti Persidangan PBB mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD). Selaras dengan perbincangan UNCTAD IX di Mitrand, Afrika Selatan yang telah diadakan pada bulan April 1996, sungguhpun diakui liberalisasi perdagangan dan globalisasi kewangan dan pengeluaran telah memberi faedah kepada banyak negara, tetapi banyak lagi negara yang masih ketinggalan dan mengalami kesan negatif: kemiskinan, pengangguran, tiada jaminan pekerjaan tetap, ketidaksamaan sosial dan kemusnahan ekologi. Untuk membolehkan faedah positif globalisasi berkembang kepada lebih banyak negara, masyarakat antarabangsa perlu menghalakan semula usaha-usaha untuk menangani isu-isu utama yang terkandung dalam Agenda Pembangunan PBB.